



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.26 | ASAR 3.41 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 98

16 OGOS 2025 / 1447 صفر 22

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"MAKA berpegang teguhlah dengan sunahku dan sunah Khulafa Ar-Rasyidin yang mendapat petunjuk, berpegang teguhlah kepadanya".

- Riwayat Al-Imam Abi Daud



دولت کباوه دولي توان قاتيق  
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

79  
Tahun

# TERUS MELANGKAH KE HADAPAN MENJANA KAPASITI TENAGA INTELEK

Oleh : Khartini Hamir

**TUNGKU LINK**, Rabu, 13 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) bertitah menyeru supaya Institusi Pengajian Tinggi di negara ini terus melangkah ke hadapan menjana kapasiti tenaga intelek yang lebih matang, khusus dalam bidang penyelidikan.

Baginda berharap nilai-nilai Islam serta warisan bangsa akan terus menjadi paksi kepada arah tuju UBD.

Sesungguhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kekuatan UBD tidak hanya terletak pada nama atau gagasannya, tetapi lebih utama ialah semangat dan sumbangannya kepada negara mesti berkekalan.

"Jika ini ada dan terus menyerlah, maka itulah tanda UBD berkualiti," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Majlis Konvokesyen UBD Ke-37, bertempat di Dewan Canselor, UBD, pagi tadi.

Kebawah DYMM dalam titahnya juga ingin melihat UBD akan terus mendekati masyarakat, suka mendengar suara mereka dan memahami keperluan bersama.

Tegas baginda, sebuah universiti yang hebat bukan hanya pandai mencipta nama tetapi juga tumbuh bersama masyarakat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen UBD Ke-37 yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD. - Foto : Mohammad Hasif Matzin

dan mampu pula menyesuaikan diri dengan arus perubahan.

Menyentuh mengenai komuniti pelajar, Kebawah DYMM bertitah mengambil maklum akan usaha UBD memperkenalkan kurikulum baharu bagi

memperkuuh lagi pembangunan graduan cemerlang, iaitu individu yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga bersedia untuk menghadapi apa jua cabaran.

>> Muka 2

# Memperkuuh kerjasama, membina masa depan inklusif untuk generasi akan datang

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Rabu, 13 Ogos. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin

Dato Setia Haji Mohamed Taib, petang tadi menerima kunjungan hormat daripada delegasi Young Parliamentarians of AIPA (YPA-AIPA), Parlimen Malaysia, diketuai oleh Ahli Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Dato' Indera Mohd. Shahar bin Abdullah,

selaku Pengurus Komiti Young Parliamentarians of AIPA (YPA), bertempat di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

>> Muka 9

# Sesi Dialog Eksekutif kongsi status, hala tuju ekonomi negara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

**RIMBA**, Rabu, 13 Ogos. - Status ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan juga

hala tuju ke arah memajukan ekonomi negara bagi mencapai Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035 iaitu 'Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan' merupakan antara yang dikongsikan semasa Sesi Dialog Eksekutif

bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 10

مانيسش ایان MANISNYA IMAN

"MAKA berpegang teguhlah dengan sunahku dan sunah Khulafa Ar-Rasyidin yang mendapat petunjuk, berpegang teguhlah kepadanya".

- Riwayat Al-Imam Abi Daud



## Berita Utama



MENEROKA lebih mendalam penggunaan teknologi dalam pengurusan imigresen **Muka 11**



PERASMIAN TechXpo 2025 tawar pelbagai produk terkini **Muka 12**



MMN terima kunjungan hormat delegasi Program MECEA **Muka 13**



RENCANA

UBD kekal berdaya saing, bergerak seiring perubahan dunia **Muka 27**

# Terus melangkah ke hadapan menjana kapasiti tenaga intelek

## >> Muka 1

Kurikulum baharu yang dipanggil 'Gen.B.E.S.T.A.R.I.' yang akan mula dilaksanakan pada September 2026 titah baginda, adalah merupakan satu langkah penting, dengan penekanan yang lebih seimbang antara pencapaian akademik dan pembangunan kemahiran insan atau *soft skills*.

"Dalam era yang semakin dipengaruhi oleh Kecerdasan Buatan (AI), kemahiran seperti kepimpinan, komunikasi, pemikiran kritis dan kebolehsuaian adalah menjadi kunci utama kepada peningkatan daya saing dan kebolehpasaran graduan.

"Alhamdulillah, beta juga gembira mengetahui penubuhan 'UBD Sustainability Living Lab' yang merupakan platform inovatif yang strategik dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan industri.

"Beta yakin inisiatif seperti ini akan memperkuuh lagi UBD sebagai hab ilmu dan rujukan utama dalam bidang penyelidikan dan pengetahuan, serta menjadikan UBD kekal relevan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Shahwal Ibrahim Tajudin

bagi keperluan masyarakat dan industri," titah baginda lagi.

Terdahulu dalam titah, Kebawah DYMM merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing, kerana kejayaan itu tidak datang bergolek, sebaliknya hasil daripada usaha para graduan dan sokongan padu para ibu bapa dan penjaga di sepanjang tempoh pengajian di UBD.

Semenjak penubuhannya pada 1985 titah baginda, UBD telah berdiri teguh sebagai tungggak pendidikan tinggi negara, melahirkan ribuan para graduan dan telah meneroka pelbagai penemuan ilmu baharu.

Kebawah DYMM selanjutnya bertitah, Ulang Tahun UBD Ke-40 mencerminkan komitmen berterusan dalam pembangunan pendidikan negara, dan pada setiap tahun, UBD terus berjaya melahirkan graduan yang relevan, berdaya saing serta berkualiti.

"Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan dan teruslah menimba ilmu, meningkatkan kemahiran diri, dan mengembangkan potensi, demi masa depan negara yang kita cintai ini.

"Berpegang teguhlah kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah agar setiap usaha dan jerih payah kita akan mendapat berkat serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, inilah kunci kejayaan hakiki, bagi dunia dan akhirat.

"Beta juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga UBD, baik yang masih berkhidmat atau yang telah bersara, yang merangkumi para Ahli Majlis, Ahli Senat Universiti, Naib Canselor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, pegawai, kakitangan, pelajar, alumni dan rakan strategik atas segala sumbangan mereka kepada UBD selama 40 tahun ini.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-37, yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD.**

"Semoga segala usaha mereka akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan beta mendoakan UBD akan terus maju jaya sebagai institusi ilmu yang digalati," titah baginda lagi.

| WAKTU SEMBAHYANG |        |                 |       |       |        |      |       |      |         |       |  |
|------------------|--------|-----------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|--|
| OGOS<br>MASIHI   | HARI   | SAFAR<br>HIJRAH | IMSAK | SUHUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |  |
| 16               | SABTU  | 22              | 4.47  | 4.57  | 6.16   | 6.39 | 12.26 | 3.41 | 6.33    | 7.44  |  |
| 17               | AHAD   | 23              | 4.47  | 4.57  | 6.16   | 6.39 | 12.25 | 3.40 | 6.33    | 7.44  |  |
| 18               | ISNIN  | 24              | 4.47  | 4.57  | 6.16   | 6.39 | 12.25 | 3.40 | 6.32    | 7.43  |  |
| 19               | SELASA | 25              | 4.47  | 4.57  | 6.16   | 6.39 | 12.25 | 3.39 | 6.32    | 7.43  |  |
| 20               | RABU   | 26              | 4.47  | 4.57  | 6.16   | 6.39 | 12.25 | 3.38 | 6.31    | 7.42  |  |
| 21               | KHAMIS | 27              | 4.47  | 4.57  | 6.16   | 6.39 | 12.25 | 3.37 | 6.31    | 7.42  |  |
| 22               | JUMAAT | 28              | 4.47  | 4.57  | 6.16   | 6.38 | 12.24 | 3.37 | 6.31    | 7.41  |  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI   |  |                |
|--|--|----------------|
| SABTU  | AHAD   | ISNIN          |
| Bandar Seri Begawan  |  |                |
| 32<br>25<br>°C   | 32<br>24<br>°C                                     | 30<br>24<br>°C |
| Pekan Bangar   |  |                |
| 32<br>25<br>°C   | 31<br>24<br>°C                                     | 31<br>24<br>°C |
| Pekan Tutong   |  |                |
| 32<br>24<br>°C   | 31<br>24<br>°C                                     | 30<br>24<br>°C |
| Kuala Belait   |  |                |
| 31<br>25<br>°C   | 31<br>25<br>°C                                     | 30<br>24<br>°C |
| Wallauhala Bissawab  | <a href="http://www.met.gov.bn">www.met.gov.bn</a> |                |
| Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi |  |                |

## SIDANG PENGARANG

### PCOS mempengaruhi kesihatan wanita

**H**ARI ini, bilangan wanita yang mengalami Sindrom Ovari Polistik (Polycystic Ovarian Syndrome - PCOS) semakin meningkat. PCOS adalah gangguan metabolismik, endokrin dan reproduktif yang mempengaruhi tahap hormon seseorang wanita dan ia merupakan sindrom yang boleh memberi kesan kepada kitaran haid, kesuburan dan rupa fizikal seseorang wanita yang menghidapinya.

Pesakit PCOS akan menghadapi masalah kitaran haid tidak menentu disebabkan ketidakseimbangan hormon dalam badan dan ini boleh menjelaskan kesuburan pesakit. Bukan itu saja, penghidap PCOS juga mempunyai tahap hormon lelaki (androgen) yang lebih tinggi, menghasilkan *hirsutism*, rambut kepala nipis di bahagian ubun-ubun (botak) dan jerawat.

Dianggarkan PCOS mempengaruhi seorangan daripada 10 wanita sepanjang usia reproduktif mereka dan apa yang lebih membimbangkan adalah sekurang-kurangnya 50 peratus wanita masih tidak didiagnosis kerana tidak menyedari keadaan tersebut selain gejala yang mereka alami adalah dari segi fizikal sahaja.

Keadaan itu sememangnya perlu dielakkan kerana jika tidak didiagnosis atau dirawat, risiko untuk mengalami komplikasi kesihatan jangka panjang adalah tinggi. Antaranya, ia boleh menyebabkan kanser endometrium, tekanan darah tinggi, diabetes jenis 2 termasuk kadar kemurungan dan kegelisahan yang tinggi.

Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai PCOS, Kumpulan OVAchievers giat mengadakan bengkel pendidikan mengenai kempen kesedaran The OVTruth: PCOS di beberapa buah institusi pengajian tinggi termasuk jerayawara interaktif di Bandarku Ceria, baru-baru ini. Bengkel tersebut turut menampilkan penceramah kesihatan oleh pakar perubatan jemputan iaitu Ketua Jabatan dan Konsultan, Obstetrik dan Ginekologi dari Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Dr. Lydia Suguna Chitra Karat.

Menerusi bengkel pendidikan itu, kempen tersebut dihasrat untuk menyebarkan maklumat yang tepat, menghapuskan salah faham dan menggalakkan sokongan perubatan awal dalam kalangan belia wanita. Usaha ini diyakini dapat membantu lebih ramai wanita muda untuk membuat keputusan yang lebih baik berkaitan kesihatan reproduktif mereka. Untuk maklumat lanjut dan acara akan datang, orang ramai boleh ikuti akaun Instagram @theovatruth.pcos.

PCOS mempunyai pelbagai simptom dan tahap keparahan serta bukan semua wanita mengalami tanda yang sama. Gejala boleh berlaku seawal selepas akil baligh, iaitu ketika remaja atau dewasa. Bagi majoriti yang menghadapi PCOS, mengawal gejala fizikal bukan senang bahkan mereka juga terpaksa mengawal emosi dan kesihatan mental membabitkan kemurungan dan kegelisahan yang juga sering dianggap tidak penting. Dalam hal itu, adalah penting bagi pasangan, rakan-rakan atau ibu bapa untuk menyokong dan memberi semangat kepada mereka yang menghadapi PCOS. - Ketua Penyunting (Ad)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# 1,177 GRADUAN DIRAIKAN PADA MAJLIS KONVOKESYEN UBD KE-37



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro Canselor UBD berkenan berangkat Majlis Konvokesyen UBD Ke-37 (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Shahwal Ibrahim Tajudin

**TUNGKU LINK**, Rabu, 13 Ogos. - Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-37 tahun ini menyaksikan seramai 1,177 graduan daripada kohort ke-13 program unik GenNEXT UBD yang telah berjaya menerima ijazah dan diploma dalam bidang masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD

berkenan berangkat menyempurnakan pengurnian ijazah kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Canselor UBD dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Naib Canselor, UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro Canselor UBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Datu Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sejurus keberangkatan tiba, Bentara membawa Mushaf UBD mendahului perarakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menuju ke pentas penganugerahan

sambil diiringi oleh bacaan Selawat diikuti Tala'al Badru.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Az-Zumar, ayat 53 hingga 57 dibacakan oleh Mahasiswa Tahun Dua, Sarjana Muda Sains Perubatan, Awang Muhammad Danial Haziq bin Haji Abdul Ghani. Beliau pernah menyertai Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Chancellor's Trophy dan berjaya meraih tempat ketiga.

Sementara itu, inti sari ayat pula dibacakan oleh Mahasiswa Tahun Satu, Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, Awang Meyzah Shahrurie bin Abdul Rahman Muhammad Shahrizul Hafiz.

Pada majlis berkenaan, Naib Canselor UBD dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembah, pelaksanaan kurikulum baharu Gen.B.E.S.T.A.R.I. (Generasi BESTARI) yang mengintegrasikan pembelajaran akademik dan kurikulum untuk melahirkan graduan seimbang,



holistik serta berkemahiran insaniah tinggi.

Program tiga tahun ini sembahnya, akan bermula September 2026 dengan mengekalkan Discovery Year sebagai komponen wajib, serta

pengenalan aktiviti teras Pamor dan aktiviti pilihan Citra. Semua pencapaian pelajar akan direkodkan secara sistematis melalui Learner Profile System (LPS).

>> Muka 4



**BACAAN** Surah Al-Fatiyah oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Sementara gambar bawah dan bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.



**BACAAN** ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Az-Zumar, ayat 53 hingga 57 dibacakan oleh Mahasiswa Tahun Dua, Sarjana Muda Sains Perubatan, Awang Muhammad Danial Haziq bin Haji Abdul Ghani (kanan). Manakala gambar kanan sekali, Naib Canselor UBD dalam sembah alu-aluannya.



Universiti Brunei Darussalam





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang pada Majlis Konvolesyen UBD Ke-37 (atas kiri dan atas kanan).

### >> Muka 3

Dr. Hazri turut menyembahkan perkembangan lain termasuk penubuhan Fakulti Pengajian Tentera dengan kerjasama Kementerian Pertahanan yang menawarkan Master of Defence and Security Studies (MDSS) bermula Januari 2025, pengenalan program baharu seperti Master of Science in Islamic Finance and Data Analytics, Master of Science in Logistics and Supply Chain Management, dan Doctorate of Business Administration (DBA), serta kerjasama dengan The Education University of Hong Kong (EdUHK) dalam penubuhan pusat pembangunan pendidikan bersama.

Dari segi penyelidikan sembahnya lagi, UBD telah memeterai 14 Memorandum Persefahaman (MoU) baharu, termasuk dengan Brunei

Methanol Company (BMC) bagi biasiswa BMC-UBD Industrial Scholarship.

Dr. Hazri selanjutnya menyembahkan, UBD juga memperkenalkan Healthy University Roadmap dan menubuhkan Centre for University Life and Wellness (UniHEALTH) untuk memperkuuh kesejahteraan warga kampus.

Segala perkembangan dan pencapaian ini sembahnya, mencerminkan tekad UBD untuk sentiasa bergerak seiring dengan perubahan dunia yang kian pantas dan penuh ketidaktentuan. UBD melihat cabaran ini bukan sebagai halangan, bahkan peluang untuk memperlengkapkan pelajar dan warga akademik bukan sahaja untuk menyesuaikan diri, tetapi untuk menjadi peneraju perubahan.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dan

menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada 614 graduan mengikut bidang masing-masing terdiri daripada 55 graduan yang menerima Ijazah Doktor Falsafah, 333 graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera, 165 graduan Ijazah Sarjana Muda Sains, 35

graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan 26 graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Digital.

Tahun ini, pengeluaran graduan Ijazah Doktor Falsafah telah meningkat kepada 20 penerima menjadi 55 penerima

berbanding tahun lepas hanya seramai 35 penerima.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

### >> Muka 5



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah.



**SUASANA** pada majlis konvolesyen berkenaan (atas, kanan dan bawah).





KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda semasa berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

#### >> Muka 4

Selaras selesai pengurniaan ijazah, Kebawah DYMM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menandatangani plak berasingan sempena memperingati Ulang Tahun UBD Ke-40 sebelum berangkat meninjau Pameran Khas yang memaparkan perjalanan UBD daripada inovasi dasar kepada penemuan saintifik dan penyelesaian dunia sebenar, menzhirkan peranan universiti tersebut sebagai peneraju idea, bukti dan tindakan.

Pada 14 Ogos 2025 bermula

dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang, UBD menjemput para graduan ke acara 'The Next Day', iaitu kesinambungan sambutan konvokesyen yang diadakan di Foyer Central Lecture Theatre (CLT).

Pada kesempatan ini, para graduan dialu-alukan untuk kembali ke kampus bersama rakan-rakan dan keluarga bagi merakam gambar dan video dengan jubah konvokesyen, mengunjungi semula fakulti masing-masing serta bertemu para pensyarah yang dihormati.

Sebelum meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan paduka

anakanda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai dan kemudiannya beramah mesra bersama para graduan mereka.



KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda semasa berkenan beramah mesra sebelum berangkat meninggalkan majlis (kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



SEKITAR Majlis Konvokesyen UBD Ke-37 (kanan dan kanan sekali).

# UBD PAMER PERJALANAN IDEA KE ARAH IMPAK NYATA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
 Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Shahwal Ibrahim Tajudin



**TUNGKU LINK**, Rabu, 13 Ogos. - Pameran bertemakan 'Ideas That Shift' yang dipamerkan sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-37 tahun ini, menelusuri perjalanan berfokuskan tujuan yang bermula daripada inovasi dasar ke penemuan saintifik, sehinggalah kepada penyelesaian dunia sebenar, sekali gus mencerminkan peranan UBD sebagai institusi yang memimpin melalui idea, bukti dan tindakan.

Perjalanan tersebut dimulakan dengan pandangan jauh dalam

pembentukan dasar. Institut Kajian Dasar (Institute for Policy Studies-IPS) memperkenalkan 'Policy Development and Decision-Making Through Data-Driven Systems: A Pathway to AI Policy Innovation Lab', iaitu kerangka perintis yang mengintegrasikan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) ke setiap peringkat kitaran dasar.

Pendekatan tersebut meningkatkan ketelusan, kebolehsuaian dan keberkesanan jangka panjang, sekali gus memperkasa pembuat keputusan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan paduka anakanda baginda berkenan dijunjung untuk menyaksikan pameran pada majlis berkenaan (atas kiri dan bawah kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menandatangani plak berasingan sempena memperingati Ulang Tahun UBD Ke-40.**

untuk bertindak balas terhadap cabaran semasa dengan lebih tepat. Model tersebut memanfaatkan *machine learning* dan *natural language processing* bagi menghasilkan pandangan berpaduan data secara dinamik, daripada penetapan

agenda hingga penilaian dasar, melangkuai kaedah tradisional berasaskan dokumen statik dan data terhad.

Daripada visi kepada sains, naratif pameran beralih kepada penyelidikan untuk daya tahan ekosistem. Institut Biodiversiti dan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda berkenan mendengar sembah penerangan (kanan dan bawah), manakala gambar bawah kanan, Kebawah DYMM dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi bergambar.**



Penyelidikan Alam Sekitar (IBER) mempamerkan 'Research, Restoration, and the Future of Brunei's Peat Swamp Forests' yang menekankan kepimpinan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam memelihara salah satu ekosistem paya gambut paling utuh dan kaya karbon di Asia Tenggara.

Melalui projek pemulihan di Badas, Lumut dan Ulu Mendaran, yang disokong oleh kajian ekologi jangka panjang, IBER menyediakan asas pengetahuan bagi membimbing penggunaan tanah secara lestari dan perlindungan biodiversiti.

Penyelidikan yang dijalankan merangkumi kajian tentang dinamik tanah gambut, pemulihan hutan, dan pemulihan biodiversiti, memberikan pandangan penting terhadap daya tahan ekosistem tanah gambut.

Perjalanan pameran diakhiri dengan aplikasi di lapangan. Fakulti Pengajian Tentera (Faculty of Military Studies - FMS) menampilkan 'Drone Technology for Sustainable Decisions and Development to Redress Illegal Logging' yang meneroka penggunaan teknologi dron bagi memperkuuh pemantauan dan perlindungan hutan.

Pemantauan masa nyata, tindak balas pantas dan koordinasi yang lebih baik membolehkan dasar dan hasil penyelidikan diterjemahkan kepada tindakan tegas menentang pembalakan haram serta kehilangan sumber.

Penyelidikan ini turut mengenal pasti cabaran operasi dan menekankan potensi dron sebagai alat pemantauan hutan masa nyata yang menjimatkan kos dan boleh diskalakan, bagi tindak balas yang lebih pantas serta penyelarasaran antara agensi yang lebih baik. Dengan merapatkan jurang penguatkuasaan, dron memainkan peranan penting dalam melindungi sumber semula jadi dan memajukan matlamat kelestarian Brunei Darussalam.

Secara keseluruhannya, pameran tersebut memperlihatkan bagaimana UBD menggerakkan langkah daripada idea kepada impak nyata dengan berteraskan keutamaan negara, progresif dari segi pendekatan dan meneraju penyelesaian yang memberi manfaat kepada NBD dan dunia.

# 563 GRADUAN TERIMA IJAZAH, DIPLOMA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat pada sesi petang Majlis Konvokesyen UBD Ke-37 di Dewan Canselor UBD (atas dan kanan).

**TUNGKU LINK,** Rabu, 13 Ogos. - Seramai 563 graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) diraikan pada sebelah petang Majlis Konvokesyen UBD Ke-37 di Dewan Canselor UBD, di sini, setelah berjaya menamatkan pengajian masing-masing.

Berangkat pada majlis berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UBD.

Keberangkatan tiba Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sejurus Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berada di atas pentas, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pada majlis penuh bersejarah itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan Ijazah Sarjana kepada 263 graduan,



manakala Ijazah Sarjana Muda kepada 264 graduan dan 36 graduan menerima diploma.

Para penerima ijazah pada tahun ini terdiri daripada para graduan dalam pelbagai bidang jurusan, iaitu Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Brunei); Ijazah Sarjana dalam Kaunseling; Ijazah Sarjana Pendidikan; Ijazah Sarjana Pengajaran; Ijazah Sarjana Sastera (Seni); Ijazah Sarjana Sastera (Bahasa Inggeris dan Linguistik); Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Alam Sekitar)

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Muhammad Kamarularifin  
Pg. Roslan

dan Ijazah Sarjana Sastera (Geografi).

Seterusnya, Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah); Ijazah Sarjana Sastera (Bahasa Melayu dan Linguistik); Ijazah Sarjana Sastera (Sosiologi); Ijazah Sarjana Falsafah (Bahasa Melayu dan Linguistik); Ijazah Sarjana Ekonomi; Ijazah Sarjana

dalam Ekonomi Terapan; Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan; Ijazah Sarjana Kewangan Islam; Ijazah Sarjana Logistik; Ijazah Sarjana Pengurusan; dan Ijazah Sarjana Sains (Fizik Terapan).

>> Muka 8



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menyempurnakan pengurniaan mengurniakan Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan diploma kepada para penerima (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (atas).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

#### >> Muka 7

Kemudian Ijazah Sarjana Sains (Biodiversiti); Ijazah Sarjana Sains (Biologi); Ijazah Sarjana Sains (Bioteknologi);

Ijazah Sarjana Sains (Kimia); Ijazah Sarjana Sains (Geosains); Ijazah Sarjana Sains (Matematik); Ijazah Sarjana Sains Kesihsatan (Sains Bioperubatan); Ijazah Sarjana Sains Kesihsatan

(Kejururawatan); Ijazah Sarjana Sains Kesihsatan (Sains Klinikal); Ijazah Sarjana Perubatan; dan Ijazah Sarjana Kesihsatan Awam.

Selanjutnya, Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Kejuruteraan

Sistem); Ijazah Sarjana Sains (Sains Bahan); Ijazah Sarjana Sains (Pengajian Tenaga); Ijazah Sarjana dalam Urus Tadbir Islam; Ijazah Sarjana Dasar Awam dan Pengurusan; Ijazah Sarjana Pengajian Pertahanan dan Keselamatan; Ijazah Sarjana Sains Digital (Kecerdasan Buatan); dan Ijazah Sarjana Kerajaan.

Manakala penerima Diploma Lepasan Ijazah terdiri daripada graduan dalam jurusan Pengajian Pertahanan dan Keselamatan.

Bagi memberkati majlis, Doa

Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Adalah diharapkan para graduan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dan bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan yang positif kepada negara dalam membantu mencapai pembangunan negara yang mampan berdaya tahan dalam dunia yang semakin mencabar.



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung bergambar ramai bersama graduan yang diraikan pada sesi petang majlis tersebut.



PARA graduan yang diraikan mengabadikan gambar kenangan bersama keluarga (atas, kiri dan kiri sekali).

# Yang Di-Pertua MMN menghadiri Joint Annual Session



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menghadiri Sidang Bersama (Joint Annual Session) di antara Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) dan Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia (DPD RI) yang diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-80 dan Pembukaan bagi Sesi Pertama bagi Sesi Tahun 2025 hingga 2026.

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Jumaat, 15 Ogos. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat



Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, pagi tadi telah menghadiri Sidang Bersama (Joint Annual Session) di antara Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) dan Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia (DPD RI) yang diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan

SEKITAR sidang berkenaan yang diadakan di Gedung Nusantara, Kompleks Parlimen, Jakarta, Republik Indonesia.

## MEMPERKUKUH KERJASAMA, MEMBINA MASA DEPAN INKLUSIF UNTUK GENERASI AKAN DATANG

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

### >> Muka 1

Rombongan turut disertai oleh dua Ahli Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen; dan Yang Berhormat Senator Roderick, serta pegawai-pegawai Urus Setia Parlimen Malaysia.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong.

Semasa kunjungan hormat berkenaan, kedua-dua pihak telah membincangkan mengenai peranan pemimpin muda termasuk Ahli-ahli Parlimen sebagai saluran kepada generasi muda dalam menyuarakan pandangan dan menyumbang kepada pembangunan negara dan serantau.

Perbincangan turut menyentuh isu pendidikan termasuk pengangguran dan jurang dalam peluang pekerjaan.

Negara Malaysia selaku

YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat daripada delegasi Young Parliamentarians of AIPA (YPA-AIPA), Parlimen Malaysia.

Pengerusi ASEAN tahun ini menawarkan pelbagai program dan kursus, termasuk dalam bidang teknologi dan Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan kemahiran rakyat di rantau ASEAN.

Kedua-dua pihak turut menzhahirkan komitmen bersama untuk memperkuuh kerjasama dan membina masa depan yang lebih inklusif untuk generasi yang akan datang.

Kunjungan berkenaan merupakan sebahagian daripada inisiatif komiti YPA-AIPA, Parlimen Malaysia yang mengadakan siri lawatan kerja ke Parlimen Negara-negara Ahli AIPA menjelang Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 yang dipengerusikan oleh Parlimen Malaysia pada



September nanti.

Usaha berkenaan antara lain bertujuan memperkuuh diplomasi

جایتن فرانځن ایکونومی دان ستاتیستیک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL FILIRAL PENGETAHUAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN**

**Fikir sebelum beli**

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Pemidaagaan-ke-Pengguna

**Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**Foto : Ihsan Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia**

Republik Indonesia Ke-80 dan Pembukaan bagi Sesi Pertama bagi Sesi Tahun 2025 hingga 2026.

Sidang Bersama diadakan di Gedung Nusantara, Kompleks Parlimen, Jakarta, Republik Indonesia.

Kehadiran Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN ke Sidang Bersama berkenaan adalah atas undangan daripada Ketua Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia, Yang Berhormat Dr. (H.C.) Maherani.

Turut hadir bersama ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya

Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir.

Antara agenda utama Sidang Bersama berkenaan adalah Ucapan Negara oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto, bagi memperingati Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-80.

Sidang Bersama juga dihadiri oleh Speaker Parlimen daripada beberapa negara sahabat, iaitu daripada Malaysia, Republik Singapura dan Republik Demokratik Timor-Leste.

parlimen, memupuk kepimpinan belia dan mengerakkan hubungan antara Ahli Parlimen muda di

rantau ini melalui dialog dan pertukaran pandangan mengenai isu-isu berkepentingan bersama.

# SESI DIALOG EKSEKUTIF KONGSI STATUS, HALA TUJU EKONOMI NEGARA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyampaikan ucapannya (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat ketika sesi bergambar ramai.



## >> Muka 1

Sesi Dialog bersama Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II itu membincangkan tajuk 'Economic Blueprint For Brunei Darussalam - Economic Growth and Diversification Through Technology and Innovation' dan diadakan di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), hari ini.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan keadaan ekonomi

negara secara am dan status perkembangan sektor-sektor keutamaan negara. Juga disentuh oleh Yang Berhormat ialah peranan teknologi dan inovasi dalam usaha pembangunan dan mempelbagaikan ekonomi negara.

Selain itu, Yang Berhormat turut mengongsikan inisiatif - inisiatif yang sedang dijalankan dan juga perancangan masa depan ke arah membangunkan ekonomi serta status pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Sesi Dialog Eksekutif bersama Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ini merupakan salah satu modul yang terkandung di dalam program-program Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) iaitu Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-32, Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-36 dan Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort-10, dikendalikan oleh IPA.

Program-program disertai oleh seramai 87 orang pegawai dari kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Sesi dialog interaktif tersebut telah mampu memberikan pandangan menyeluruh kegiatan terkini dalam perkembangan ekonomi negara.

Selain itu, ia dapat menyuntik semangat peserta untuk terus sama-sama mendukung dan merealisasikan Economic Blueprint negara khususnya untuk memperkuatkukan keupayaan pemimpin-pemimpin masa depan bagi memenuhi keperluan orang ramai yang sentiasa berubah terutamanya pada zaman digital

yang pesat berkembang maju.

Juga hadir pada sesi berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang

Ajman bin Haji Meludin dan pegawai-pegawai kanan dari JPM dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.





**ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBASAS**

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)

## UBD adakan 'The Next Day' sebagai kesinambungan konvokesyen

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**TUNGKU LINK**, Rabu, 13 Ogos. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan mengadakan acara 'The Next Day' pada 14 Ogos 2025, kesinambungan daripada Majlis Konvokesyen UBD Ke-37 yang berlangsung di Foyer Central Lecture Theatre (CLT).

Acara tersebut memberi peluang kepada para graduan untuk kembali ke kampus bersama keluarga dan rakan-rakan bagi merakam kenangan dalam jubah konvokesyen, mengunjungi semula fakulti masing-masing serta bertemu dengan para pensyarah yang pernah membimbing mereka.

Bagi memeriahkan lagi suasana, persembahan pentas diadakan pada sebelah pagi, manakala kelab-kelab pelajar turut menampilkan persembahan pada sebelah petang.

Pelbagai reruui jualan yang menawarkan cenderamata dan sajian turut disediakan, termasuk penyertaan usahawan startups UBD di samping peniaga tempatan sedia ada. Turut disediakan, reruui photobooth untuk graduan dan alumni bergambar bersama keluarga dan rakan-rakan.

Para pengunjung juga berpeluang memenangi baucar kafe dengan menjawab soalan berkaitan UBD di UBD Quiz Booth bersempena Ulang Tahun Ke-40 universiti tersebut.

Selaras dengan usaha UBD mempromosi gaya hidup lestari dan kampus hijau melalui Healthy University Roadmap yang dilancarkan semasa Pesta Konvo baru-baru ini, para peniaga digalakkan menggunakan pembungkusan dan penyampaian perkhidmatan yang mesra alam.

Para pengunjung turut digalakkan membawa bekas makanan dan tumbler sendiri bagi menyokong inisiatif berkenaan.

Bersempena acara tersebut, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dengan kerjasama UBD turut menganjurkan Youth Opportunities Unlocked (YOU) 2025 di Pro-Chancellor Arts Centre dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Acara berkenaan merangkumi sesi 'TEDx Anggerek Desa Youth' yang menampilkan usahawan belia, sesi perkongsian bersama Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Good Foodies Media, Malaysia, Nicholas Lim Pinn Yang serta pasaran maya jualan langsung TikTok pertama di Negara Brunei Darussalam yang memberi peluang kepada pengunjung untuk menyokong perniagaan belia tempatan.

YOU 2025 menawarkan pengalaman mendengar kisah sebenar inovasi, kreativiti dan pengaruh anak muda.

Maklumat lanjut dan pendaftaran boleh diperoleh melalui Instagram @YOU2025.



# MINDA PEMBACA

## TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025
- 2.'Pembangunan Ekonomi Digital: Peluang dan Cabaran'. Tarikh Tutup : 27 Ogos 2025
- 3.'Penyebaran Maklumat Palsu: Cabaran Dunia Digital Masa Kini'. Tarikh Tutup : 3 September 2025

## TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

## SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 13 Ogos. - ASEAN Directors-General of Immigration Departments and Heads of Consular Affairs Divisions of the Ministries of Foreign Affairs Meeting (DGICM) berperanan sebagai platform penting bagi memperkuuh kerjasama dan dialog antara Negara-negara Anggota ASEAN dalam hal ehwal imigresen dan konsular.

Ia memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan kemudahan perjalanan antara ASEAN, menangani cabaran rentas sempadan, serta memajukan usaha kerjasama dalam mobiliti serantau, pengurusan sempadan, dan pembangunan dasar imigresen.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam

## Memperkuuh kerjasama, tangani cabaran pengurusan sempadan, imigresen

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 13 Ogos. - Majlis Pembukaan Rasmi The 28th ASEAN Directors-General of Immigration Departments and Heads of Consular Affairs Divisions of the Ministries of Foreign Affairs Meeting (28th DGICM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan telah berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Tuan-tuan Yang Terutama dan Puan Yang Terutama Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Negara-negara ASEAN, Republik Demokratik Timor-Leste, Australia, Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN.

Terdahulu itu, Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, kehadiran para delegasi DGICM mencerminkan komitmen kukuh terhadap kerjasama serantau, dan harapannya agar mesyuarat berkenaan akan memupuk dialog penting serta penglibatan yang bermakna, seterusnya memperkuuh kerjasama dan usaha kolektif bagi menangani cabaran yang sentiasa berkembang.

Awang Haji Azmi juga ingin merakamkan penghargaan kepada Sekretariat ASEAN atas

# MENEROKA LEBIH MENDALAM PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN IMIGRESEN

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi 28th DGICM dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.**

Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman semasa Majlis Pembukaan Rasmi 28th DGICM dan Mesyuarat - mesyuarat Berkaitan yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapan perasmian menzahirkan rasa berbesar hati melihat Negara-negara Anggota DGICM ASEAN kekal teguh dalam komitmen kolektif mereka untuk menangani cabaran yang semakin kompleks dan berkembang, yang memberi kesan kepada keselamatan sempadan di peringkat nasional, serantau, dan antarabangsa.

Dedikasi berterusan mereka, kata Yang Berhormat, amat terpuji dan penting dalam mempertahankan keselamatan dan kemakmuran bersama kita.

Menurut Yang Berhormat lagi, adalah menggembirakan untuk melihat kemajuan berterusan dalam

inisiatif-inisiatif DGICM, terutamanya berkaitan garis panduan bantuan konsular oleh misi Negara Anggota ASEAN di Third Countries, Pengumpulan amalan terbaik dalam pelaksanaan bantuan konsular, dan Pelan Kerja DGICM untuk melaksanakan Pelan Tindakan ASEAN mengenai kerjasama dalam hal ehwal imigresen dan konsular.

Inisiatif - inisiatif berkenaan tambah Yang Berhormat, mencerminkan komitmen berterusan ASEAN untuk memperkuuh keterhubungan rakyat dengan rakyat, di samping melindungi hak dan kebajikan warganegara kita di luar negara.

Mesyuarat tahun ini juga terang Yang Berhormat, akan membincangkan inisiatif baharu dan berpandangan jauh, termasuk kajian cadangan mengenai kebolehlaksanaan pemberian kemudahan pengecualian visa bagi kategori tertentu pengembala, dan pembangunan lanjut Pusat Latihan Imigresen ASEAN.

"Perbincangan ini adalah tepat pada masanya dan bersifat strategik ketika kita terus mencari penyelesaian praktikal untuk meningkatkan mobiliti sambil memastikan keselamatan.

"Saya berbesar hati untuk

menyatakan bahwa penglibatan DGICM dengan Rakan Dialog semakin berkembang secara bermakna. Sejak dialog secara rasmi dimulakan bersama negara Plus Three, iaitu Republik Rakyat China, Jepun, dan Republik Korea pada 2022, kita kini menandakan tahun keempat kerjasama yang semakin kukuh," ujar Yang Berhormat.

Selain itu tambah Yang Berhormat, tahun ini juga menandakan Konsultasi DGICM + Australia yang Ke-20, dengan kemajuan yang dicapai, khususnya dalam pembangunan kapasiti dan pertukaran pengetahuan adalah membanggakan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, ketika kita mengharungi dunia yang semakin saling berhubung, dipacu oleh transformasi digital yang pesat dan ancaman global yang muncul, bidang pengurusan imigresen juga perlu berkembang.

DGICM tegas Yang Berhormat, memainkan peranan penting dalam menyokong Wawasan Komuniti ASEAN melalui kerjasama dan inovasi yang dipertingkatkan.

"Sehubungan itu, saya menggesa DGICM untuk meneroka dengan lebih mendalam penggunaan teknologi canggih, perlu berkembang.

khususnya Kecerdasan Buatan (AI), dalam memodenkan sistem dan proses imigresen.

"AI mempunyai potensi besar untuk mengubah perkhidmatan imigresen, sama ada dalam mempercepat proses permohonan visa, mengesan ketidakaturan, memperkuuh pemantauan sempadan atau membolehkan keputusan berdasarkan data.

"Namun, dalam mengejar kemajuan ini, kita mestilah memastikan aspek berpusatkan manusia dalam imigresen seperti empati, keadilan, dan perlindungan hak tidak sesekele diabaikan," ujar Yang Berhormatnya lagi.

Yang Berhormat seterusnya menggalakkan semua Negara Anggota ASEAN untuk terus memupuk semangat kerjasama, sokongan bersama, dan penglibatan yang lebih mendalam dengan rakan rentas sektor dan rakan luar ASEAN.

Yang Berhormat juga yakin pertukaran pandangan dan perbincangan semasa mesyuarat ini, khususnya mengenai landskap jenayah rentas negara yang sentiasa berubah, akan menghasilkan hasil yang nyata dan strategi untuk meningkatkan keselamatan dan ketahanan serantau.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi The 28th DGICM.**

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

membuka tirai perbincangan dengan sesi 'The 8th ASEAN Heads of Major Immigration Checkpoints Forum (AMICF)' dan Mesyuarat 'The 4th Heads of Specialist Unit on People Smuggling (HSU) Meeting and the 20th ASEAN Immigration Intelligence Forum (AIIF)', Awang Haji Azmi menjelaskan, ia telah berjaya disimpulkan semalam.

DGICM kini menurutnya, menunggu keputusan rasmi daripada perbincangan tersebut, dengan Sesi Plenari DGICM yang akan berlangsung sepanjang dua hari akan datang, bermula hari ini. Seterusnya, Mesyuarat DGICM bersama Australia akan diadakan, diikuti dengan mesyuarat bersama tiga rakan dialog - Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

"Saya amat menggalakkan DGICM untuk merebut peluang ini bagi membina sebuah rantau yang lebih bersedia, dinamik dan

Mesyuarat 28th DGICM dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan

wakil daripada Sekretariat ASEAN.

Turut menghadiri mesyuarat berkenaan ialah perwakilan dari Negara Australia bagi sesi Mesyuarat The 20th ASEAN Directors General of Immigration Departments and Heads of Consular Affairs Divisions of the Ministries of Foreign Affairs Plus Australia Consultation (20th DGICM + Australia Consultation) dan wakil-wakil dari Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea bagi sesi permesyuaratan bersama Rakan Dialog Australia serta Negara Plus Three iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Seramai lebih 120 delegasi menghadiri mesyuarat ini terdiri dari Ketua-ketua Pengarah Imigresen dan delegasi daripada negara-negara ASEAN, termasuk Republik Demokratik Timor-Leste selaku negara pemerhati, serta

Juga hadir pada Majlis Pembukaan Rasmi berkenaan ialah ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan di bawah KHEDN dan JIPK.

# PERASMIAN TECHXPO 2025 TAWAR PELBAGAI PRODUK TERKINI



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Ogos. - Pameran TechXpo 2025 kembali lagi lebih menarik dengan menawarkan produk termasuk NextWave Startup and Innovation Showcase, Kejohanan e-Sukan (PUBG Mobile dan FC25) anjuran Persatuan e-Sukan Brunei, Bengkel AI oleh Universiti Teknologi Brunei dan pelbagai paparan teknologi imersif bagi kunjungan orang ramai yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Dianjurkan oleh D'Sunlit Sdn. Bhd. bersama Persekutuan Infokom Brunei (IFB) dengan sokongan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) yang diadakan dari 14 hingga 16 Ogos 2025 kali ini membawa tema utama 'Inovasi Untuk Masa Depan'.

Majlis Perasmian TechXpo 2025 telah disempurnakan oleh Menteri

Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Pengurus IFB, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff yang menekankan kepentingan kerjasama, inovasi dan transformasi digital dalam merealisasikan visi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah Negara Pintar.

Pelancaran TechXpo 2025 menampilkan inovasi - inovasi terobosan daripada peneraju teknologi tempatan dan antarabangsa.

Majlis diteruskan dengan dua ucaptama yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN),

Christopher Phan yang bertajuk 'Asas dan Pemacu Transformasi Digital' yang menekankan keperluan infrastruktur penting bagi mempercepatkan perjalanan digital Brunei.

Manakala Naib Presiden Eksekutif Pemasaran dan Penyelesaian ICT, Huawei International PTE Limited, Qi Wei mengongsikan pandangan mengenai komitmen Huawei dalam memperkasa ekonomi digital melalui penyelesaian teknologi canggih.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar beramai - ramai bersama Ahli-ahli IFB dan penaja Platinum TechXpo 2025 - UNN, Imagine Sdn. Bhd. dan Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd., diikuti dengan lawatan ke pameran.

Satu permainan pencarian interaktif (scavenger hunt) turut dibuka kepada para pengunjung

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian TechXpo 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan atas).

untuk meneroka keseluruhan pameran dengan mengimbas Kod QR yang terdapat di sekitar acara. Pengunjung yang berjaya melengkapkan 70 peratus daripada misi akan layak menebus TechXpo Cable Organiser Bag.

Para pengunjung juga boleh menyertai Cabutan Bertuah Utama yang menawarkan hadiah-hadiah teknologi terkini seperti XREAL Air 2 Ultra AR Glasses dan Robot Teman EBO Air 2 Plus.

TechXpo 2025 menjanjikan untuk menjadi hab dinamik bagi inovasi, jaringan kerjasama dan perbincangan berfokuskan masa depan. Untuk maklumat terkini dan sorotan boleh diikuti melalui @techxpobn di Instagram dan Facebook.



PENGERUSI Persekutuan Infokom Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff ketika berucap.

## 5 peserta layak ke peringkat akhir Pertandingan Pidato Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 13 Ogos. - Pidato merupakan satu cabang seni pengucapan awam yang menyampaikan mesej komunikasi satu arah secara lisan untuk mengungkapkan pemikiran atau idea, menaikul konsep, menghuraikan, dan merumuskannya secara berkesan untuk ditujukan kepada khalayak atau audiens.

Pidato mengandungi pelbagai kategori dan penyampaian pidato yang berkesan adalah dalam bentuk nasihat, peringatan, penegasan, mahupun sindiran. Oleh yang demikian, kematangan pemikiran dan melontarkan idea dapat dicungkil melalui aktiviti berpidato.

Pertandingan Pidato Kebangsaan berobjektif bagi menyemarakkan dan menggemarkan Sambutan Bulan Bahasa 2025, meluaskan dan memantapkan pengetahuan, penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard yang betul dan tepat serta membina keyakinan diri dan kemahiran komunikasi untuk mampu berucap di khalayak ramai.

Di samping itu dapat meluaskan dan memantapkan pengetahuan, penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard yang betul dan tepat; menggalakkan remaja dan belia untuk berfikir, mengolah idea dan mengemukakan pendapat mereka berhubung sesuatu tema yang

ditetapkan oleh pihak pengatur; memastikan kemahiran seni ini tidak terus lenyap ditelan zaman bagi menjana daya saing secara positif; dan meluaskan pengetahuan am dan isu-isu semasa dalam dan luar negara.

Peserta pidato diberi kebenaran dan kebebasan untuk menyediakan tajuk pidato yang bersesuaian dengan isu terkini/semasa yang signifikan dengan, sama ada perkembangan bahasa Melayu, perkembangan Kecerdasan Buatan (AI), pembangunan ekonomi, masa depan belia, pembangunan kapasiti, dan budaya, asalkan tidak menyentuh sensitiviti yang berkaitan dengan bangsa, ras, mempolemikkan agama, politik, ketatanegaraan, kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang.

Pertandingan Pidato Kebangsaan sempena Sambutan Bulan Bahasa 2025 Peringkat Akhir akan diadakan pada Rabu, 17 September 2025 bersamaan 24 Rabiulawal 1447 secara fizikal di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas dan juga boleh diikuti melalui penstriman langsung media sosial Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Pihak urus setia pertandingan telah menerima sebanyak 17 penyertaan pada peringkat saringan dan hanya lima orang peserta yang layak mara ke peringkat akhir.

Peserta-peserta yang berjaya ke peringkat akhir ialah Dayang Nuraqilah binti Mardi, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Dayang Nur Ainul Hayati binti Ratna, Sekolah Tinggi Arab Hassanul Bolkiah; Awang Anang Muhammad Fathur'rahman bin Anang Abdul Rahman, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Dayang Muslimah binti Mahadi, Persendirian; dan Dayang Syafiqah Mumtazah binti Haji Mohd. Arrffen, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pemenang pertama pertandingan pidato akan menerima wang sebanyak BND800, piala pusingan, piala, sijil penghargaan dan buku terbitan DBP; pemenang kedua akan menerima wang sebanyak BND600, plak, sijil penghargaan dan buku terbitan DBP; manakala pemenang ketiga akan menerima wang sebanyak BND400, plak, sijil penghargaan dan buku terbitan DBP.

Bagi sugu hati keempat dan kelima masing-masing akan menerima plak, sijil penghargaan dan buku terbitan DBP.

PARA peserta yang berjaya ke peringkat akhir pada Pertandingan Pidato Kebangsaan yang akan diadakan pada Rabu, 17 September 2025.

Siaran Akhbar dan Infografik : Dewan Bahasa dan Pustaka

فتنديعن قيدا تو كبغساعن  
برونزي دارالسلام

**PERTANDINGAN PIDATO KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM**  
SEMPENA SAMBUTAN BULAN BAHASA 2025

**PERINGKAT AKHIR**

**Hari Raya**  
24 Rabiulawal 1447 /  
17 September 2025  
8.15 pagi

**Anjuran**  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

**Tempat**  
Balai Sarmayuda,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Negara Brunei Darussalam

**SIAPAKAH YANG BAKAL MENJADI JUARA?**

**Dayang Nuraqilah binti Mardi**  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**Dayang Muslimah binti Mahadi**  
Persendirian

**Awang Anang Muhammad Fathur'rahman bin Anang Abdul Rahman**  
Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**Dayang Syafiqah Mumtazah binti Haji Mohd. Arrffen**  
Universiti Brunei Darussalam

# MMN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI PROGRAM MECEA



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa sesi bergambar ramai pada kunjungan hormat daripada dua pegawai Kongres Amerika Syarikat di bawah Program Mutual Education and Cultural Exchange Act (MECEA) (atas). Manakala gambar atas kanan, rombongan berkenaan semasa melawat ke Dewan Persidangan MMN.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Ogos. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menerima kunjungan hormat daripada dua pegawai Kongres Amerika Syarikat di bawah Program Mutual Education and Cultural Exchange Act (MECEA), pagi tadi.

Turut hadir semasa kunjungan

hormat ialah Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin dan Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai struktur dan peranan MMN, termasuk proses pemilihan wakil daerah serta penglibatan ahli-ahli dalam mesyuarat di peringkat dalam dan luar negara di samping

memperkuuh hubungan dan kerjasama dua hala.

Kedua-dua pihak turut menyentuh mengenai agenda dan matlamat Wawasan Brunei 2035, usaha membangunkan industri yang mampan, serta langkah memperkuuh keupayaan tenaga kerja melalui pelbagai inisiatif dan program latihan.

Turut dibincangkan adalah peluang kerjasama dalam bidang latihan dan pertukaran pengetahuan termasuk dalam isu-isu serantau dan global seperti perubahan iklim, peranan wanita, belia dan teknologi.

Rombongan juga berpeluang untuk melawat ke Dewan Persidangan MMN dan mendengarkan taklimat mengenai sejarah dan latar belakang MMN serta melihat secara langsung suasana dan kemudahan persidangan.

Kunjungan ini merupakan sebahagian daripada program

lawatan ke Negara Brunei Darussalam di bawah MECEA yang diadakan dari 13 hingga 16 Ogos 2025, bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman mengenai sistem dan tadbir urus negara, di samping memperluaskan jalinan hubungan dan kerjasama antara kedua-dua pihak.

**KEDUA-DUA** pihak turut menyentuh mengenai agenda dan matlamat Wawasan Brunei 2035, usaha membangunkan industri yang mampan, serta langkah memperkuuh keupayaan tenaga kerja melalui pelbagai inisiatif dan program latihan.

Turut dibincangkan adalah peluang kerjasama dalam bidang latihan dan pertukaran pengetahuan termasuk dalam isu-isu serantau dan global seperti perubahan iklim, peranan wanita, belia dan teknologi.

## Memperkuuhkan peranan wanita dalam ekonomi



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Ogos. - Dialog Dasar Peringkat Tinggi Wanita dan Ekonomi telah diadakan pada Selasa, 12 Ogos 2025 di Incheon, Republik Korea.

Dialog tersebut telah dipengerusikan oleh Pemangku Minister of Gender Equality and Family Republik Korea, Yang Berhormat Kim Hyun Sook.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin.

Turut hadir ialah para Menteri dan Pegawai Kanan daripada Ekonomi-Ekonomi APEC yang lain, dan Pengarah Eksekutif Sekretariat APEC.

Di bawah tema 'Promoting Women's Economic Participation for Sustainable Growth', dialog tersebut telah membincangkan pendekatan dasar bagi memperkuuhkan peranan wanita dalam ekonomi, sejajar dengan APEC Putrajaya Vision 2040, La Serena Roadmap dan Aotearoa Plan of Action.

Perbincangan menekankan bagaimana perubahan demografi,

transformasi digital dan peralihan hijau memberikan peluang serta cabaran terhadap pemerksaan perekonomian wanita.

Dalam perkara ini, Ekonomi-ekonomi Ahli APEC telah berkongsi pengalaman dalam menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang diterajui oleh wanita, memajukan keterangkuman digital, serta memperbaiki infrastruktur penjagaan, di samping menegaskan komitmen untuk menangani ketidaksamaan jantina (*gender inequality*) dan menghapuskan halangan struktur (*structural barriers*).

Dr. Hajah May Fa'ezah dalam

kenyataannya telah menegaskan komitmen teguh Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam memajukan penyertaan para wanita di dalam ekonomi sebagai salah satu tonggak utama Wawasan Brunei 2035, yang mana langkah-langkah berkenaan adalah sejajar dengan Putrajaya Vision 2040 dan Aotearoa Plan of Action.

Ke arah ini, beliau mengongsikan NBD sedang meneroka pelbagai langkah dasar untuk meningkatkan penyertaan ekonomi wanita.

Ini termasuk mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan wanita, melalui

SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa menghadiri Dialog Dasar Peringkat Tinggi Wanita dan Ekonomi.

program-program seperti bantuan kewangan, pembinaan kapasiti dan bimbingan untuk usahawan wanita, di samping pendekatan penggubalan dasar yang inklusif.

Inisiatif seperti Akademi Perniagaan Industri dan Brunei Mentors for Entrepreneurs Network dan juga ASEAN Women's Entrepreneurs Network telah memupuk pengiktirafan dan hubungan rentas sempadan.

Melalui Akademi Perniagaan Industri, dianggarkan sebanyak 10,300 wanita telah dilatih sejak 2016 dan sekurang-kurangnya 57 peratus daripada perniagaan yang terlibat adalah perniagaan-perniagaan yang dimiliki oleh para wanita.

Dialog ini didahului dengan sesi sektor swasta-awam di mana perbincangan panel tertumpu pada usaha untuk mengukuhkan sistem penjagaan dan menggalakkan keseimbangan kerja-kehidupan berikutnya perubahan demografi, serta untuk memudahkan penyertaan wanita di dalam ekonomi sebagai tindak balas kepada kemajuan teknologi digital dan AI.

Ekonomi-Ekonomi Ahli APEC telah mengeluarkan kenyataan Women and the Economy Forum (WEF) Statement yang boleh diakses melalui laman sesawang APEC di <https://www.apec.org>.



# **MENJEMPUT REZEKI**

## DENGAN AMALAN YANG BAIK




 جا٤ت٩٠ هال اهوا٣ ماس٩  
 JABATAN HAL EHWAL MASID,  
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UCAMA  
 NEGERI BRUNEI DARUSSALAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 21 Safar 1447H / 15 Ogos 2025M



**REZEKI**

Setiap makhluk yang hidup di atas muka bumi ini telah dijamin rezekinya oleh Allah S.W.T




Ramai dari kalangan kita beranggapan rezeki itu hanya dalam bentuk wang ringgit dan material semata-mata



Sesungguhnya sihat tubuh badan, mempunyai keluarga yang bahagia, dikurniakan anak, mempunyai tempat untuk berteduh dan dikelilingi orang-orang yang baik juga merupakan rezeki

**TERDAPAT BEBERAPA SEBAB YANG BOLEH MENDATANGKAN REZEKI YANG LUAS JIKA MENGAMALKANNYA, ANTARANYA IALAH:**



## Menjemput rezeki dengan amalan yang baik

satu rezeki.

Hakikatnya, Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita semua orang yang kaya dengan rezeki yang tersendiri namun ada kalanya kita sendiri seakan-akan tidak nampak dan kurang menyadarinya. Ini kerana kita selalu merasakan bahwa rezeki itu hanya dalam bentuk wang ringgit dan material semata-mata.

Terdapat segelintir dalam kalangan masyarakat kita yang mungkin secara tidak sedar telah melakukan perkara-perkara yang boleh menjadi sebab terhalangnya keberkatan rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala maka mimbar yang mulia ini menyeru sekalian jemaah yang dirahmati Allah untuk merenung hadis-hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjelaskan mengapa rezeki seseorang itu terasa kurang dan sempit, antaranya :

**Pertama** : Tidak mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya merupakan antara penyebab rezeki seseorang itu terasa kurang dan sempit walaupun sebaliknya ia adalah orang yang berkemampuan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan di dalam hadis Baginda, bahawa barang siapa yang meluangkan masa untuk mendekati Allah Subhanahu Wata'ala dengan beribadah, nescaya akan dipenuhi dadanya dengan kekayaan dan ditutupi kemiskinannya. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasllam, Baginda bersabda yang bermaksud : Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala berfirman "Wahai anak Adam, luangkanlah masamu untuk beribadah kepada Kepada-Ku, nescaya akan Aku penuhi dadamu dengan kekayaan dan akan Aku tutupi kemiskinanmu melainkan jika kamu tidak melakukannya, maka Aku akan masukkan hatimu dengan kesibukan dan Aku tidak akan menutupi kemiskinanmu". (Hadis Qudsi Riwayat Imam Termizi)

**Kedua** : Melakukan maksiat dan dosa. Seseorang itu terhalang daripada mendapat rezeki kerana perbuatan dosa dan maksiat yang dilakukannya. Daripada Tsauban, Maula (pembantu) Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Seorang hamba benar-benar terhalang daripada rezeki kerana dosa yang dilakukannya". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Dalam Islam terdapat beberapa sebab yang boleh mendatangkan rezeki yang luas jika kita mengamalkannya, antaranya ialah :

**Pertama** : Bertakwah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya. Mereka yang bertakwa ini, dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan

limpahan rezeki, malah Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada mereka jalan keluar daripada segala kesusahan. Ini jelas sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Talaq, ayat 2-3 :

**Tafsirnya** : "Demikianlah pelajaran itu diberikan kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir. Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar (dalam urusannya). Dan Dia mengurniakannya rezeki dari arah yang tidak terlintas difikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusannya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu".

**Kedua** : Istighfar dan taubat. Amalan istighfar adalah salah satu pintu rezeki yang paling utama. Beristighfar dengan penuh keikhlasan dan taubat nasuha yang tulus, dapat membuka pintu keberkatan dalam hidup termasuk dalam aspek rezeki.

**Ketiga** : Bersedekah. Sedekah adalah amalan sunat yang menjadi asbab dilipatgandakan rezeki. Dengan bersedekah, bukan sahaja rezeki berlipat ganda tetapi jiwa juga akan berasa lapang dan bahagia. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Harta tidak akan berkurang kerana sedekah". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

**Keempat** : Menggerakkan hubungan silaturahim dengan keluarga adalah termasuk salah satu amalan yang boleh menjemput dan membuka pintu rezeki. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Waslalam bersabda :

**Maksudnya** : "Barang siapa yang suka dimurahkan rezekinya atau dipanjangkan usianya maka hendaklah dia menyambungkan kekeluargaan (silaturahim)". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

**Kelima** : Sembahyang Sunat Duha. Sembahyang Sunat Duha diyakini sebagai salah satu amalan yang dapat melapangkan pintu rezeki dan membawa ketenangan jiwa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umatnya untuk bangun awal dan memanfaatkan waktu pagi dengan sebaik-baiknya. Daripada Abu Zar Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Pada pagi hari, setiap sendi salah seorang daripada kamu memerlukan kepada sedekah. Maka setiap tasbih (Subhanallah) itu adalah sedekah, setiap tahmid (Alhamdulillah) itu adalah sedekah, setiap takbir (Allahuakbar) itu adalah sedekah, menyuruh berbuat perkara yang baik adalah sedekah, melarang daripada

perkara yang mungkar adalah sedekah. Dan semua itu cukup (bersedekah kepada semua sendi itu) dengan dua rakaat yang telah didirikan oleh seseorang itu daripada Sembahyang Duha". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

**Keenam** : Memperbanyak membaca doa. Doa adalah senjata orang beriman. Dalam urusan rezeki, berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan, keikhlasan dan tawakal dapat membuka pintu rezeki yang tidak disangka-sangka. Antara doa masyhur yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah :

**Ertinya** : "Ya Allah, cukupkanlah aku dengan rezeki-Mu yang halal sehingga aku terhindar daripada apa yang Engkau haramkan dan perkayakanlah aku dengan kurnia-Mu sehingga aku tidak meminta daripada selain Engkau". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Rezeki adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang bukan sahaja berbentuk harta akan tetapi juga berbentuk kesihatan, ketenangan, keluarga bahagia dan kemudahan dalam kehidupan. Dalam Islam, menjemput rezeki bukan sekadar berusaha secara fizikal akan tetapi juga melakukan amalan-amalan baik yang mendatangkan keberkatan.

Amalan seperti bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, beristighfar, bersedekah, mengeratkan silaturahim, mendirikan Sembahyang Sunat Duha serta mengamalkan doa dan zikir boleh membuka pintu rezeki dengan lebih luas. Selain itu, menjauhi perkara haram, mengutamakan kejujuran dalam pekerjaan dan bersyukur atas nikmat yang ada juga menjadi kunci untuk menjemput rezeki yang berkat. Oleh itu, usaha dan doa perlu berjalan seiring kerana rezeki yang berkat bukan sekadar banyak akan tetapi juga memberi ketenangan hati dan kesejahteraan hidup. Dengan mengamalkan perkara-perkara yang baik insyaAllah rezeki akan datang dalam pelbagai bentuk yang tidak disangka-sangka.

Akhirnya, sama-sama kita berdoa semoga kita semua dikurniakan rezeki yang mencukupi dan berkat, kita kuatkan tekad dan tawakal sambil berusaha dan berikhтир tanpa putus atas. Semoga kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa bersyukur dan reda atas setiap anugerah dan kurniaan-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras". (Surah Ibrahim, ayat 7)



**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Hud, ayat 6 :

**Tafsirnya** : "Dan tidak ada satupun makhluk yang melata di bumi melainkan Allah yang menjamin rezekinya dan mengetahui tempat menetap dan tempat penyimpanannya. Semuanya itu tertulis di dalam kitab yang banyak (Luh Mahfuz)".

Rezeki adalah antara perkara yang menjadi rahsia Allah Subhanahu Wata'ala. Tidak ada seorang pun di dunia ini yang mengetahui tentang rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada danya sama ada banyak ataupun sedikit. Namun, apa yang pasti ialah setiap makhluk yang hidup di atas muka bumi ini telah dijamin rezekinya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Apabila kita mempertakaran mengenai rezeki dalam kehidupan sehari-hari, maka ramai dari kalangan kita yang beranggapan bahawa rezeki itu hanya dari segi pekerjaan, harta kekayaan dan wang ringgit semata-mata. Perlu diketahui bahawa limpah rahmat dan rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu sangat luas dan setiap manusia itu dikurniakan bentuk rezeki yang berbeza-beza antara satu sama lain.

Sesungguhnya sihat tubuh badan itu adalah rezeki, mempunyai keluarga yang bahagia itu juga rezeki, dikurniakan anak itu rezeki, mempunyai tempat untuk berteduh itu rezeki, dikelilingi oleh orang-orang yang baik itu juga merupakan

la menunjukkan peratusan pendapatan bulanan awda yang digunakan untuk membayar pinjaman atau pembiayaan.

Walaupun pihak bank membenarkan awda meminjam sehingga 60 peratus daripada pendapatan bulanan, adalah lebih bijak untuk memastikan ia kekal di bawah 35 peratus supaya awda mempunyai lebihan untuk keperluan harian dan tidak berbeban.

Untuk bermula, senaraikan semua komitmen kewangan bulanan awda, termasuk jumlah bayaran, kadar faedah, dan tarikh akhir pembayaran. Mempunyai gambaran yang jelas tentang hutang awda membantu anda kekal mengawal, mengelakkan bayaran lewat dan membina tabiat kewangan yang kukuh untuk masa depan.

Manakala yang kedua, utamakan pembayaran balik iaitu

pastikan awda mempunyai strategi yang jelas untuk membayar balik hutang awda. Salah satu pendekatan berkesan adalah mengutamakan hutang berkadar faedah tinggi terlebih dahulu,

seperti kad kredit di mana dikenali sebagai kaedah longsonar salji (*avalanche method*) yang bertujuan untuk mengurangkan jumlah faedah yang dibayar dari semasa ke semasa.

Sebagai alternatif, awda boleh mempertimbangkan kaedah bola salji (*snowball method*), yang memberi tumpuan kepada menyelesaikan hutang yang paling kecil dahulu untuk membina motivasi dan momentum.

Seterusnya, ketiga ialah semak laporan kredit awda secara berkala. Biasakan diri untuk menyemak laporan kredit awda secara berkala. Ini membantu awda mengetahui status kesihatan

kredit awda, mengesan sebarang kesilapan, dan memastikan awda tidak menjadi mangsa pencurian identiti.

Bank menggunakan laporan kredit awda untuk menilai kebolehpercayaan kredit apabila awda memohon pinjaman atau pembiayaan. Menjaga kesihatan kredit yang baik adalah bahagian penting dalam perancangan kewangan dan boleh meningkatkan peluang awda untuk mendapatkan terma kewangan yang lebih baik di masa akan datang.

Kemudian, keempat pula ialah dapatkan bantuan profesional. Jika awda berasa terbeban, pertimbangkan untuk bercakap dengan pihak bank atau perancang kewangan yang bertauliah dan diperakui daripada Financial

Planning Association of Brunei Darussalam (FPAB) untuk menangani isu-isu ini.

Menangani kebimbangan awda lebih awal boleh mencegah masalah daripada menjadi menjadi teknikal dan berikhtiar tanpa putus atas. Semoga kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa bersyukur dan reda atas setiap anugerah dan kurniaan-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Siaran Akhbar** : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Mengambil pinjaman atau pembiayaan adalah sebahagian daripada perancangan kewangan yang biasa. Sama ada untuk membeli rumah, melanjutkan pelajaran, atau memulakan perniagaan, pengurusan hutang yang bertanggungjawab boleh membantu awda mencapai matlamat kewangan awda. Sebaliknya, pengurusan hutang yang lemah boleh menyebabkan tekanan kewangan dan ketidakstabilan.

Bersempena dengan National Financial Literacy Day (NFLD), berikut adalah beberapa tip untuk mengurus hutang dengan bijak iaitu pertama, fahami hutang awda.

Adakah awda tahu berapa banyak daripada pendapatan awda digunakan untuk membayar balik pinjaman? Ini dikenali sebagai Total Debt Service Ratio (TDSR).

## Pengurusan hutang dengan bertanggungjawab

# WARGAMAS RAIKAN ULANG TAHUN PENUBUHAN



SUASANA pada Majlis Hari Ulang Tahun Pertubuhan WARGAMAS Kali Ke-6 (HUTMAS6) (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TELNAI, Khamis, 14 Ogos. - Pertubuhan WARGAMAS terus menunjukkan kesatuan dan komitmen dalam menangani pelbagai cabaran demi kemajuan ahli-ahlinya.

Hal tersebut ditekankan pada Majlis Hari Ulang Tahun Pertubuhan WARGAMAS Kali

Ke-6 (HUTMAS6) yang berlangsung pagi tadi di Rasa Ceria Cafe, Telai, di sini.

Dalam ucapannya, Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don menjelaskan Pertubuhan WARGAMAS akan terus bergerak

ke hadapan bersama agenda Warga Emas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi menuju Wawasan Negara 2035.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Majlis tersebut turut menandakan ulang tahun penubuhan pertubuhan itu pada 10 Ogos 2019.

Selama lima tahun, Pertubuhan WARGAMAS telah melaksanakan pelbagai projek dan aktiviti melalui Rancangan Kerja Tahunan (RKT) serta Rancangan Strategik bagi memastikan relevannya dalam mendepani perubahan.

Dengan semangat kekitaan, Pertubuhan WARGAMAS yakin dapat terus memainkan peranan penting dalam membela kepentingan warga emas dan masyarakat umum.

Juga hadir, Jemaah Penasihat Pertubuhan WARGAMAS, pegawai daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) KKBS, serta ahli-ahli pertubuhan.

## Platform mengasah kemahiran berkayak, memupuk semangat kerjasama

 Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Belia dan Sukan



### SEKITAR Explorasi Kayak Belia yang diadakan di

berkayak, teknik kawalan kayak dan penjelajahan laluan sejauh 14 kilometer yang berlepas dari Kompleks Sukan Air Serasa menuju ke Tempat Penurunan Perahu Pangkalan Sibabau, Kampung Mentiri dan kembali semula ke Kompleks Sukan Air Serasa.

Selain itu, para peserta turut mengikuti aktiviti pembinaan pasukan (team building) yang menguji kecekapan, daya tahan fizikal dan kebersamaan.

Program diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Belia dan Sukan Temburong, Awang Mohammad Noramizul bin Haji Serbini.

Dengan adanya aktiviti

berkenaan, ia akan memberi impak positif kepada para belia daripada aspek fizikal, mental dan sosial serta mendapat pendedahan awal terhadap aspek keselamatan air dan teknik asas berkayak yang boleh membentuk keberanian dan keyakinan diri.

Selain itu, aktiviti yang dijalankan turut memperkuuh semangat kerja berpasukan, komunikasi dan disiplin. Para belia juga didorong

untuk menjalani gaya hidup aktif dan sihat serta lebih menghargai kepentingan pemuliharaan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, aktiviti berkenaan berperanan dalam pembangunan sahsiah dan jati diri belia sejajar dengan aspirasi Hari Belia Kebangsaan. Komitmen dan semangat yang ditunjukkan menjadi kunci kepada kejayaan keseluruhan aktiviti.



1 

2 

3 

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Iklan jawatan kosong

Kalendar saya

kedudukan permohonan

aduan saya

kedudukan permohonan

aduan saya

Lihat Iklan

Lihat Kalendar Saya

Status Permohonan


Lihat Aduan Saya

Search icon

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

## Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

| Bahagian | Status                    | Lihat Detail  |
|----------|---------------------------|---|
| 1        | DIJADUALKAN UNTUK UJIAN   |  |
| 2        | PROSES PERAKUAN           |  |
| 3        | DIAJADUALKAN UNTUK UJIAN  |  |
| 4        | TIDAK HADIR               |  |
| 5        | DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA |  |
| 6        | PEMOHON DITERIMA          |  |



# MEMBENTUK TABIAT KEWANGAN SIHAT SEAWAL PERINGKAT PENGAJIAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 15 Ogos.  
- Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM), melalui Program Eksekutif Muda (Kohort 10) bersama Kumpulan SriSatria menganjurkan acara bual bicara bertemakan 'Pengetahuan Ilmu Kewangan bagi Penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT)'. Acara berlangsung di Bilik

Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini, dan merupakan salah satu daripada aktiviti Projek Khidmat Masyarakat kumpulan berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Ali Hamdani bin Haji Mohd. Diah.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

## Kepentingan pendidikan kewangan dalam kalangan generasi muda



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**GADONG**, Khamis, 14 Ogos. - Para pelajar diharap dapat menghayati kepentingan pendidikan kewangan sebagai asas kepada pengurusan hidup yang terancang, berdisiplin dan berwawasan.

Pengetahuan ini dihasratkan akan dapat membentuk tabiat kewangan yang sihat seawal peringkat pengajian, sekali gus mempersiapkan mereka untuk mencapai kejayaan peribadi dan profesional pada masa hadapan.

Sehubungan itu, kira-kira 100 pelajar Sekolah Perniagaan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) berserta tenaga pengajar institut berkenaan berpeluang menghadiri acara Bual Bicara bertemakan 'Pengetahuan Ilmu Kewangan bagi Penuntut Institusi Pengajian Tinggi' yang diadakan di institut berkenaan.

Acara kelolaan Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Program Eksekutif Muda Kohort 10 bersama Kumpulan SriSatria itu merupakan salah satu daripada aktiviti Projek Khidmat Masyarakat Kumpulan tersebut.

Juga hadir pada acara berkenaan ialah Ketua Sekolah Perniagaan, IBTE, Dayang Masnalliza binti Haji Md. Zaini. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Awang Muhammad Nur Al-Hafiz bin Haji Hamidi, selaku Ahli Penyelaras Acara.



SUASANA pada Bual Bicara bertemakan 'Pengetahuan Ilmu Kewangan bagi Penuntut Institusi Pengajian Tinggi' yang diadakan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

pengurusan hutang serta penggunaan teknologi kewangan secara beretika dan bertanggungjawab," jelasnya.

Pada acara tersebut, ceramah pengetahuan kewangan disampaikan oleh pakar-pakar penasihat pengurusan kewangan, iaitu Dayang Zufadzilah Brahim dan Debbie Lim Keh Ying dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dengan topik 'Financial Planning and Savings Instruments' dan 'Financial Planning : Key to Smart Investing'.

Seorang ahli panel dari Tabung Amanah Pekerja (TAP) iaitu Dayang Sri Nazrina binti Haji Johari turut berkongsi pengalaman serta panduan pengurusan kewangan melalui tajuk 'Education and empowering individuals to make informed decisions about their financial futures' khususnya bagi membantu para pelajar membuat keputusan kewangan yang bijak.

Juga diadakan ialah aktiviti kuiz interaktif mengenai pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan kewangan. Hadiah-hadiyah bagi aktiviti tersebut turut disumbangkan oleh institusi kewangan yang terlibat.

Melalui inisiatif ini juga, pihak pengajian berharap para pelajar akan memperoleh panduan praktikal dan pengetahuan yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari dan menjadi bekalan berharga, bukan hanya untuk diri sendiri tetapi juga untuk memberi manfaat kepada keluarga, komuniti, dan negara pada masa hadapan.

Keluarga Sdn. Bhd. turut berkongsi pengalaman serta panduan pengurusan kewangan 'Purposeful Finances : Plan, Track, Achieve!', khususnya bagi membantu para pelajar membuat keputusan kewangan yang bijak.

Acara juga diisikan dengan aktiviti kuiz interaktif mengenai pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan kewangan.

Hadiah-hadiyah bagi aktiviti berkenaan turut disumbangkan oleh institusi kewangan yang terlibat.

Melalui inisiatif berkenaan, pihak pengajian berharap agar para pelajar dapat menghayati kepentingan pendidikan kewangan sebagai asas kepada pengurusan hidup yang terancang, berdisiplin dan berwawasan.

Pengetahuan berkenaan diharap dapat membentuk tabiat kewangan yang sihat seawal peringkat pengajian, sekali gus mempersiapkan mereka untuk mencapai kejayaan peribadi dan profesional pada masa hadapan.

Usaha berkenaan juga adalah selaras dengan aspirasi Majlis Kebangsaan Celik Kewangan



ANTARA yang menyampaikan ceramah pada majlis tersebut.

(MKCK) untuk melahirkan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang celik kewangan, berkemahiran mengurus sumber kewangan dengan bijak, serta mampu membuat keputusan kewangan yang bertanggungjawab demi kesejahteraan jangka panjang.

## NBDsertai Himpunan Sukarelawan Dakwah MABIMS 2025

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 14 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menyertai Himpunan Sukarelawan Dakwah MABIMS (HISDAM) 2025 yang diadakan dari 13 hingga 15 Ogos 2025 di The Everly Hotel, Putrajaya, Malaysia.

NBD diwakili oleh dua pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) iaitu Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Morsidi dan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli.

Turut serta, dua belia masjid dari Kumpulan Belia Masjid Senegara, Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid iaitu Awang Abdul Mu'iz bin Rosnan, Belia Masjid Lumapas dan Awang Wan Amirul Amjad bin Haji Zaini, Belia Masjid Ash-Shaliheen.

Pada perhimpunan tersebut, Awang Ahmad Muzhafar selaku penceramah undangan telah membentangkan ceramah bertajuk 'Modul Bina Sahsiah Islami untuk Sukarelawan Belia MABIMS'.

Pengisian utama HISDAM 2025 merangkumi slot pembentangan bertema 'Gerakan Sukarelawan sebagai Barisan Hadapan Dakwah yang Responsif dan Adaptif'; 'Sukarelawan Dakwah dan Pemberdayaan Asnaf'; 'Modul Bina Sahsiah Islami untuk Sukarelawan Belia MABIMS' dan 'Platform Serantau Sukarelawan Dakwah : Satu Cadangan Integrasi'.

Majlis Perasmian HISDAM 2025 telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Malaysia, Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd. Na'im bin Haji Mokhtar.

HISDAM 2025 menghimpunkan sukarelawan dakwah daripada Negara-negara Anggota MABIMS iaitu NBD, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura dengan tujuan menggabungkan sukarelawan dakwah dari Negara-negara Anggota MABIMS serta memastikan mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran terkini untuk menghadapi cabaran dakwah semasa.

Penyertaan KHEU dalam HISDAM 2025 diharap dapat memperkuat komitmen NBD dalam memperluas peranan sukarelawan dakwah belia di rantau ini, selain menjadi platform strategik untuk bertukar pengalaman, berkongsi amalan terbaik dan memantapkan kerjasama serantau dalam memartabatkan syiar Islam, di samping menyokong peranan Sekretariat MABIMS Brunei sebagai penghubung dan penyelaras inisiatif di bawah kerjasama belia serantau MABIMS.



DELEGASI Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada pegawai dan belia dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kumpulan Belia Masjid Senegara.

# PELAJAR NEGARA TERIMA PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA



DAYANG Aina Adrianna binti Ariffeen, pelajar dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong, menerima pengiktirafan semasa Festival Seni Antarabangsa bagi Pelajar Sekolah Menengah (International High School Art Festival) (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan, antara karya seni pelajar tempatan yang turut dipamerkan di festival tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Ogos. - Festival Seni Antarabangsa bagi Pelajar Sekolah Menengah (International High School Art Festival) yang

SELAIN karya seni Dayang Aina Adrianna, tiga lagi karya seni dari NBD turut dipamerkan di National Art Centre, Tokyo. Pemenang tempat kedua dan ketiga ialah Dayang Amira binti Mohammed Rafiq dan Awang Ahmad Muqri bin Muhammad Zul Akmal, kedua-duanya dari PTE Sengkurong, manakala pemenang tempat keempat ialah Dayang Husna Maghfirah binti Ahbarfakrie dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. Pengiktirafan antarabangsa ini menjadi bukti kepada kreativiti dan potensi besar anak-anak muda tempatan, sekali gus memberi inspirasi kepada mereka untuk terus mengejar minat serta membentuk masa depan seni NBD.

kreatif mereka yang cemerlang di pentas global.

Setiap tahun, antara 10,000 hingga 15,000 karya seni dihantar oleh pelajar dari seluruh dunia, dengan 500 karya terbaik dipilih untuk dipamerkan di National Art Centre yang berprestij di Tokyo. Karya-karya ini menonjolkan perspektif budaya yang unik dari negara-negara peserta.

Pada tahun ini, empat karya seni dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah terpilih untuk dipamerkan. Mewakili NBD di festival dan Majlis Penganugerahan Rasmi ialah Dayang Aina Adrianna binti Ariffeen, pelajar dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong, yang memenangi tempat pertama dalam pemilihan peringkat kebangsaan dengan karya seni bertajuk 'National Pride'.

Pengiktirafan ini merupakan satu lagi detik membanggakan bagi sekolah tersebut, selepas pencapaian Awang Asrol bin Purot, juga dari PTE Sengkurong, yang menerima anugerah yang sama pada tahun sebelumnya.

Dayang Aina Adrianna menerima anugerah berprestij tersebut pada 6 Ogos 2025 lalu dalam satu majlis yang diadakan di The Ritz - Carlton, Tokyo, Jepun. Dalam ucapannya di acara tersebut, beliau merakamkan penghargaan tulus kepada IFAC kerana menganjurkan festival yang bermakna ini, yang menghimpunkan pelajar dari seluruh dunia untuk berhubung dan menzahirkan keindahan negara



■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Tingkatan Enam Sengkurong

masing-masing melalui seni.

Beliau menyatakan bahawa satu penghormatan besar untuk menjadi sebahagian daripada acara istimewa ini. Beliau turut menyampaikan penghargaan kepada keluarga dan guru seni lukis beliau atas sokongan yang berterusan, serta kepada Kementerian Pendidikan NBD dan jawatkuasa penganjur kerana memberi peluang untuk mewakili NBD dan terlibat dalam pertukaran budaya dengan pelajar seni dari seluruh dunia.

Selain karya seni Dayang Aina Adrianna, tiga lagi karya seni dari NBD turut dipamerkan di National Art Centre, Tokyo. Pemenang

tempat kedua dan ketiga ialah Dayang Amira binti Mohammed Rafiq dan Awang Ahmad Muqri bin Muhammad Zul Akmal, kedua-duanya dari PTE Sengkurong, manakala pemenang tempat keempat ialah Dayang Husna Maghfirah binti Ahbarfakrie dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Pengiktirafan antarabangsa ini menjadi bukti kepada kreativiti dan potensi besar anak-anak muda tempatan, sekali gus memberi inspirasi kepada mereka untuk terus mengejar minat serta membentuk masa depan seni NBD.

## Senarai premis makanan diberikan Sijil Halal, permit

| No        | PERMOHONAN BAHRU SIJIL HALAL DAN PERMIT             | JUMLAH DILULUSKAN        |
|-----------|---|--------------------------|
| 1         | SIJIL HALAL   | 21                       |
| 2         | PERMIT  | 3                        |
| <b>No</b> | <b>PERMOHONAN MEMBAHARUI SIJIL HALAL DAN PERMIT</b> | <b>JUMLAH DILULUSKAN</b> |
| 1         | SIJIL HALAL   | 55                       |
| 2         | PERMIT  | 4                        |

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) suacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi bulan Jun 2025, beberapa premis makanan di negara ini telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan / atau permit sama ada bagi permohonan baru atau pembaharuan oleh MUIB, awda boleh merujuk kepada infografik yang disediakan.

baharu atau pembaharuan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Dalam jumlah tersebut, permohonan baharu Sijil Halal adalah sebanyak 21 telah diluluskan manakala permit pula diluluskan sebanyak tiga permohonan. Seterusnya, bagi Permohonan Memperbaharui Sijil Halal dan permit pula dimana sebanyak 55 permohonan Sijil Halal dan / atau permit sama ada bagi permohonan

dan permit pula sebanyak empat permohonan telah diluluskan.

Bagi orang ramai yang ingin mengetahui senarai premis makanan yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan / atau permit, sama ada bagi permohonan baharu atau pembaharuan oleh MUIB, awda boleh merujuk kepada infografik yang disediakan.

Sehubungan itu, dipohonkan pemilik syarikat atau premis di dalam senarai yang terdapat di dalam infografik / rajah yang disediakan dan yang masih belum membuat pembayaran di minta untuk segera menjelaskan bayaran serta mengambil Sijil Halal atau permit pula dimasing-masing.

Sijil dan permit tersebut boleh diambil di Tingkat 3, Jabatan MUIB, Bangunan Tambahan KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas. Dalam hal ini, KHEU melalui JHES ingin memperingatkan bahawa mempamerkan Sijil Halal merupakan kehendak undang-undang yang wajib dipatuhi oleh semua pemegang Sijil Halal.

Bagi senarai lengkap premis makanan di seluruh negara yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit MUIB, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi KHEU di [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn) atau boleh merujuk instagram Bahagian Kawalan Makanan Halal @halal.bn untuk maklumat dari semasa ke semasa.

| PERMOHONAN MEMBAHARUI SIJIL HALAL |  |
|-----------------------------------|--|
| 1.                                | MIX72 & COMPANY  |
| 2.                                | MARGHERITA PIZZERIA [CAWANGAN ONE RIVERSIDE GADONG]  |
| 3.                                | MARGHERITA PIZZERIA [CAWANGAN MATA-MATA]   |
| 4.                                | LOF CAKES & BAKERY [CAWANGAN DELIMA]   |
| 5.                                | RESTORAN & KATERING SOTO PRO   |
| 6.                                | BORNEO KOPITIAM RESTAURANT & CATERING [CAWANGAN GADONG]                                    |
| 7.                                | THE EMPIRE BRUNEI (BUNKER BISTRO RESTAURANT)   |
| 8.                                | SABKA RESTAURANT AND CATERING SERVICES   |
| 9.                                | SHINOBU SUSHI RESTAURANT @PASTAMANIA [CAWANGAN KUALA BELAIT]                               |
| 10.                               | ANJUNG WARISAN RESTAURANT & CAFE   |
| 11.                               | ISKANDAR CURRY HOUSE [CAWANGAN ONE RIVERSIDE]  |
| 12.                               | AXTIVO CAFE & RESTAURANT SDN BHD   |
| 13.                               | HAMEEDIYAH RESTAURANT [CAWANGAN TANAH JAMBU]   |
| 14.                               | JERUTON HOTEL SDN BHD  |
| 15.                               | ROYAL BRUNEI CATERING SDN BHD (EXPRESS FAST FOOD)  |
| 16.                               | ROYAL BRUNEI CATERING SDN BHD (ROYAL BRUNEI CULINARY) [CAWANGAN AIRCRAFT CATERING CENTRE]  |
| 17.                               | SAN XIAO CAFE  |
| 18.                               | RESTORAN TITI C.A. AHMED   |
| 19.                               | BESS THAI FOOD RESTAURANT [CAWANGAN BATU BERSURAT]   |
| 20.                               | SBINATI SDN BHD [CAWANGAN TANJONG BUNUT]   |
| 21.                               | NADI UTAMA RESTAURANT & CATERING   |
| 22.                               | ALHABIB RESTAURANT SDN BHD   |
| 23.                               | HAPPY DEAN RESTAURANT [CAWANGAN KAMPONG ANGGEREK DESA]                                     |
| 24.                               | HAPPY DEAN RESTAURANT [CAWANGAN JERUDONG]  |
| 25.                               | MR BAKER'S BAKESHOP [CAWANGAN BATU BERSURAT]   |
| 26.                               | MR BAKER'S BAKESHOP [CAWANGAN GADONG CENTRAL]  |
| 27.                               | OTCINC SDN BHD (PIZZA HUT) [CAWANGAN BANDAR]   |
| 28.                               | SBINATI SDN BHD [CAWANGAN THE MALL]  |
| 29.                               | GREAT TASTE RESTAURANT   |
| 30.                               | HUA HO DEPARTMENT STORE [CAWANGAN TUTONG]  |
| 31.                               | OLDTIME KOPITIAM [CAWANGAN MENGЛАIT]   |
| 32.                               | TAUREAN BAKE SHOP & CAFE [CAWANGAN PUSC]   |
| 33.                               | TEA EXPRESS (TEALIVE) [CAWANGAN KIARONG]   |
| 34.                               | TEA EXPRESS (TEALIVE) [CAWANGAN TANJUNG BUNUT]   |
| 35.                               | ZUKI CAFE  |
| 36.                               | JING CHEW RESTAURANT   |
| 37.                               | OTCINC SDN BHD (PIZZA HUT) [CAWANGAN ABDUL RAZAK COMPLEX]                                  |
| 38.                               | RESTORAN TANDIRAN (PAN & WOK) (BEYOND PLATTERS) (BEYOND WINGS) [CENTRAL KITCHEN]           |
| 39.                               | RESTORAN WYWY [CAWANGAN KUALA BELAIT]  |
| 40.                               | TANJUNG SELERA RESTAURANT & CATERING   |
| 41.                               | FRATINI'S RESTAURANT [CAWANGAN SUNGAI TILONG]  |
| 42.                               | FRATINI'S RESTAURANT [CAWANGAN THE CENTREPOINT GADONG]                                     |
| 43.                               | RESTORAN TANDIRAN (BEYOND WINGS) [CAWANGAN TANJUNG BUNUT]                                  |
| 44.                               | RESTORAN TANDIRAN (PAN & WOK) [CAWANGAN DELIMA]  |
| 45.                               | RESTORAN TANDIRAN (PAN & WOK) [CAWANGAN JERUDONG]  |
| 46.                               | OTCINC SDN BHD (PIZZA HUT) [CAWANGAN SENGKURONG]   |
| 47.                               | PERUSAHAAN JAMINAH (KANTIN)  |
| 48.                               | CALIENTE TAPAS BARISTAS RESTAURANT & CAFE SDN BHD (JAZZ BAR & GRILL)                       |
| 49.                               | HUA HO DEPARTMENT STORE [CAWANGAN TANJUNG BUNUT FOOD COURT]                                |
| 50.                               | MEI KONG COFFEE  |
| 51.                               | ROYAL BRUNEI POLO AND RIDING CLUB SDN BHD (TARINDAK D'SENI RESTAURANT & CATERING SERVICES) |
| 52.                               | SPICES RESTAURANT & CATERING   |
| 53.                               | RESTORAN ANGGEREK PUTIH  |
| 54.                               | KLEEN-TECH MAINTENANCE & SERVICES SDN BHD  |
| 55.                               | MR BAKER'S BAKESHOP [CAWANGAN BERAKAS]   |
| PERMIT                            |  |
| 1.                                | SABL FOOD INDUSTRIES (B) SDN BHD [CAWANGAN TUTONG] (34 PRODUK)                             |
| 2.                                | MORI ENTERPRISE (5 PRODUK)   |
| 3.                                | KLEEN-TECH MAINTENANCE & SERVICES SDN BHD (1 PRODUK)                                       |
| 4.                                | ROYAL BRUNEI CATERING SDN BHD (ROYAL BRUNEI CULINARY) (10 PRODUK)                          |

# PERJALANAN MENUJU KEJAYAAN MEMERLUKAN KESABARAN, KETABAHAN



DAYANG Nur 'Izzah Amal Afiqah binti Hamdani bersama ibu dan kakak beliau (kiri). Manakala gambar tengah, Dayangku Nur Muhrizah binti Pengiran Mohamad bersama keluarga. Sementara gambar kanan, Dayang Nur Afrina binti Sani semasa ditemu bual.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Siti Rokiah Abdullah, Ihsan Dayangku Nur Muhrizah Pengiran Mohamad, Dayang Nur 'Izzah Amal Afiqah Hamdani, Dayang Ang Woan Yean, Dayang Nur Afrina Sani, Dayang Haziqah Abd. Lamit

**TUNGKU LINK**, Rabu, 13 Ogos. - Berjaya menggenggam segulung ijazah adalah detik yang sarat dengan makna, iaitu simbol pengorbanan, kegigihan dan pencapaian selepas bertahun-tahun menimba ilmu.

Setiap graduan membawa kisah tersendiri dengan penuh usaha, cabaran, dan kejayaan. Mereka mengingatkan kita bahawa di sebalik setiap segulung ijazah, tersimpan perjalanan yang panjang, pengorbanan, dan sokongan daripada insan di sekeling. Sebuah pengakhiran yang indah, dan permulaan baharu yang penuh harapan.

Dalam Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-37, seramai 1,177 graduan diraikan, masing-masing membawa kisah pahit manis yang membentuk perjalanan mereka sebagai mahasiswa dan mahasiswa.

Salah seorang graduan yang menerima ijazah Sarjana Muda Kimia atau Bachelor Degree in Chemistry, Dayangku Nur Muhrizah binti Pengiran Mohamad, mengimbang kembali perjuangan selama empat tahun bergelar mahasiswa UBD yang penuh dengan pengalaman berharga dan bermakna.

Menurutnya, pada tahun akhir pengajiannya beliau telah membuat satu kajian yang bertajuk 'Sifat Fizikokimia dan Antioksidan dalam Pelbagai Jenis Gula', atau 'Physicochemical Properties and Antioxidants in Different Types of Sugar' sebagai sebahagian daripada Projek Tahun Akhir.

Tambahnya, melalui kajian yang dibuat, bahawa gula bukan sahaja berperanan sebagai pemanis, tetapi berpotensi menjadi sumber antioksidan.

Oleh itu, beliau menceritakan setiap dapatan atau hasil yang diperoleh melalui kajian yang

penerima ijazah Sarjana Sains dalam Kepelbagai Biologi melalui Penyelidikan atau Master of Science in Biodiversity by Research menempuh dua tahun penuh dedikasi sepanjang bergelar mahasiswa UBD.

Menurutnya, tesis 'Using Remote Sensing to Map and Explain the Distribution Pattern of Acacia Species Along a New Highway in Brunei Darussalam' menyalakan semangatnya dalam pemeliharaan alam sekitar.

Dayang Nur 'Izzah Amal Afiqah seterusnya menjelaskan, menerusi kerjasama dengan pakar di Birmingham City University menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI), menyertai ekspedisi penemuan spesies baharu, hingga berkhidmat di makmal kajian kanser di Republik Singapura, setiap pengalaman menambah nilai, membentuk komitmen teguh terhadap pembangunan negara dan perlindungan biodiversiti.

Sementara, Dayang Ang Woan Yean pula yang merupakan graduan ijazah Sarjana Sains

Matematik melalui Penyelidikan, menyusuri dua tahun pengajian dengan penuh ketelitian. Tesisnya 'Survival Analysis of Breast Cancer Treatment Modalities, Delays, and Outcomes in Brunei Darussalam' berhubung kait tentang analisis rawatan kanser payudara di Negara Brunei Darussalam, yang diterbitkan di BioMed Central, bertajuk 'Breast Cancer Treatment Modalities, Treatment Delays, and Survival in Brunei Darussalam', menekankan kepentingan rawatan tepat pada masanya.

Manakala, bagi Dayang Nur Afrina binti Sani, graduan lulusan ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kejururawatan) menyatakan perjalanan pengajian dalam kejururawatan memerlukan kesabaran dan ketabahan.

Tambahnya, semasa menjalani semester pertama beliau menghadapi cabaran yang agak besar yang menuntutnya

mengimbangi modul klinikal, projek penyelidikan, dan tugas akademik dalam tempoh singkat.

Namun katanya lagi, dengan sokongan padu yang diperoleh melalui pensyarah dan rakan sebaya telah menjadi tonggak kekuatan, mengajar erti kerjasama, ketabahan, dan pengurusan masa, serta memperkuuh persahabatan yang terus abadi hingga hari konvokesyen.

Sementara itu, Dayang Haziqah binti Abd. Lamit yang menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan dan Kewangan yakin bahawa sesebuah kejayaan memerlukan pengorbanan yang jitu.

Pengalaman Discovery Year di Republik Korea membolehkannya menyesuaikan diri dengan budaya asing, memperkaya kemahiran kerja berpasukan dan komunikasi silang budaya, serta membuka perspektif baharu untuk menghadapi dunia profesional.

Dayang Haziqah bercita-cita membina kerjaya dalam sektor korporat, menguasai pengurusan kewangan dan audit, serta memberi sumbangan bermakna kepada organisasi dan masyarakat.



DAYANG Ang Woan Yean bersama keluarga (kanan). Manakala gambar kanan sekali, Dayang Haziqah binti Abd. Lamit bersama keluarga.

# KEJAYAAN DICAPAI LAMBANG KESYUKURAN, KETABAHAN, ISTIQAMAH



DR. Nurrawiah Haziyah binti Jumat dan Dayang Norfadillah binti Esa@Tara semasa ditemu bual (kiri dan kanan).

**Berita dan Foto : Nurdyianah Rajami**

**TUNGKU LINK**, Rabu, 13 Ogos. - Saban tahun, institusi pengajian tinggi tanah air kita terus melahirkan golongan cendekiahan bak cendawan tumbuh selepas hujan.

Sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi tempatan, Universiti Brunei Darussalam (UBD) juga terus berdiri teguh memupuk komitmen berterusan dalam menyediakan program-program yang berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa bagi mendukung usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Hal ini jelas terbukti pada kehebatan pencapaian para graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka di universiti berkenaan bukanlah hanya untuk mendapatkan sekeping ijazah semata-mata bahkan masing-masing memiliki kewibawaan dalam menerokai bidang penyelidikan mahupun kemahiran yang selari dengan keperluan negara dan bakal menyumbang serta memberikan nilai tambah dan berimpak tinggi kepada masyarakat sejagat.

Sehubungan itu, para graduan yang menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Sarjana Muda menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana pengurniaan ijazah-ijazah tersebut disempurnakan oleh baginda pada Majlis Konvensyen UBD Ke-37 berlangsung di Dewan Canselor UBD, hari ini.

Ketika Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa orang graduan yang diraikan bagi sesi pagi, rata-rata meluahkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alá kerana usaha dan pengorbanan yang setentunya memerlukan kesabaran dan kekuatan mental dan fizikal mereka akhirnya membawa hasil apabila berjaya menggenggam segulung ijazah di samping doa dan sokongan kedua ibu bapa dan ahli keluarga serta para pensyarah.

Dr. Siti Nurzahah binti Haji Dullah, graduan PhD dalam jurusan Islamic Civilisation and Contemporary Issues di Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), UBD antaranya berkata, kejayaan yang dicapai itu adalah lambang kesyukuran, ketabahan dan istiqamah dalam menyeimbangkan tanggungjawab kerjaya dan akademik.

"Ia bukan sekadar pencapaian akademik, tetapi satu amanah ilmu yang perlu dimanfaatkan untuk menyumbang kembali kepada agama, bangsa, dan negara. saya percaya bahwa ilmu adalah amanah yang perlu dimanfaatkan untuk mengangkat martabat masyarakat serta menyokong usaha memperkuuh visi Brunei sebagai Negara Zikir yang

progresif.

"Kejayaan yang saya peroleh ini adalah bukti bahawa kesungguhan yang berlandaskan niat yang betul dan doa yang berterusan akan membawa hasil yang diberkati serta menjadi pemangkin untuk terus berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara," ujarnya.

Dayang Siti Nurzahah juga berkongsi bahawa tesis PhD bertajuk 'The Impact of the Sharia Penal Code Order 2013 on Bruneian Society'. Penyelidikan ini menganalisis kesan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dari sudut individu, keluarga, organisasi, dan masyarakat dengan menggunakan Socio-Ecological Model (SEM) serta teori sosiologi undang-undang.

"Kajian ini diharap dapat membantu pihak berkuasa dan masyarakat memahami implikasi SPCO 2013 secara menyeluruh, sekali gus memperkuuh pelaksanaan undang-undang syariah," jelas beliau.

Sementara itu, seorang graduan PhD dalam Pendidikan, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), UBD, Dr. Nurrawiah Haziyah binti Jumat, pula berkesempatan mengongsikan setelah menamatkan pengajian selama empat tahun itu, beliau melihat ilmu dan kemahiran yang diperoleh bukan sahaja memperkayakan pengetahuan diri tetapi juga memberikan peluang untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada agama, bangsa dan negara.

Beliau yang berjaya menyelesaikan penyelidikan ijazahnya bertajuk 'Integrating Al-Ghazali's Islamic Personality Thoughts in Ihya Ulumuddin as a Counselling Therapy Model for Abused Children in Brunei'. Dalam penyelidikan ini, graduan ini telah melakukan analisis mendalam terhadap kitab Ihya Ulumuddin dalam bahasa Arab, dan seterusnya membangunkan satu model kaunseling yang boleh digunakan dalam sesi kaunseling dengan kanak-kanak yang pernah didera. Model itu dinamakan 'Ihya Child-Centred Counselling Model'.

"Saya menggunakan teks asal bahasa Arab Ihya Ulumuddin secara langsung, bukannya terjemahan Inggeris, bagi memastikan pemikiran asli Imam Al-Ghazali dapat dikekalkan dan difahami dengan tepat dalam pembangunan model kaunseling ini.

"Penyelidikan ini

memberi tumpuan kepada pembangunan model kaunseling khusus yang mengintegrasikan nilai-nilai spiritual, psikologi dan moral dalam pendekatan bimbingan untuk membantu kanak-kanak yang mengalami penderaan.

"Ilmu yang saya pelajari, terutamanya dalam kaunseling berdasarkan pemikiran tradisional Islam seperti Imam Al-Ghazali, membantu saya memahami bagaimana membentuk personaliti dan jiwa insan secara holistik melalui unsur *qalb, ruh, nafs* dan *aql*," jelasnya lanjut.

Tambah beliau lagi, kemahiran yang diperoleh termasuk penyelidikan kualitatif, pembangunan model kaunseling yang mengintegrasikan nilai spiritual dan psikologi moden, serta pendekatan pedagogi berpusatkan kanak-kanak.

Semua ini membolehkan dirinya menyumbang dalam memartabatkan agama Islam sekali gus bersama-sama berusaha menangani isu semasa, di samping memperkuuh jati diri bangsa melalui pembangunan modal insan yang berakhhlak mulia dan membantu negara dalam memperkasakan kesejahteraan sosial, khususnya dalam konteks kesihatan mental dan pembinaan masyarakat yang harmoni.

"Kepada mahasiswa dan mahasiswi yang sedang menuntut di UBD, saya ingin menyarankan supaya sentiasa menanamkan semangat keazaman dan kesungguhan dalam setiap langkah pengajian.

"Jangan takut menghadapi cabaran dan kekangan kerana ia adalah sebahagian daripada proses pembelajaran yang akan membentuk kalian menjadi insan yang lebih matang dan berdaya saing. Sentiasa juga keseimbangan antara ilmu dunia dan nilai-nilai spiritual agar kejayaan yang dicapai bukan sahaja di dunia, tetapi juga di akhirat," ujar Dr. Nurrawiah lagi.

Turut berkesempatan ditemu bual ialah Awang Mohammad Aqil Akmal bin Ahmad, salah seorang graduan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan 'Cybersecurity and Forensics' di Fakulti School of Digital Science UBD mengungkapkan sepanjang pengajian selama empat tahun itu, dirinya berpeluang menerokai kemahiran teras seperti keselamatan siber, pembangunan sistem, pengurusan dan analisis data, serta penyelesaian masalah secara kritikal dan kreatif.

Beliau turut berkongsi bahawa projek tahun akhir yang berjaya dihasilkannya berjudul 'Blockchain-Based Prescription Management System'. Projek ini bertujuan meningkatkan keselamatan dan ketelusan dalam pengurusan preskripsi ubat melindungi privasi pesakit dan juga mengurangkan risiko penyalahgunaan maklumat. Projek ini turut menyokong usaha membina sistem kesihatan yang lebih cekap, selamat dan dipercayai.

"Dengan kemahiran ini, saya bertekad untuk menyumbang kepada pembangunan sistem digital negara yang selamat, telus dan inovatif, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035," jelasnya yang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda itu selama empat tahun.



AWANG Mohammad Aqil Akmal bin Ahmad semasa ditemu bual.

Selain itu, Dayang Norfadillah binti Esa@Tara, salah seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk dan Industri Kreatif yang mendapat Kepujian Kelas Pertama dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), UBD itu menyatakan bahawa bidang reka bentuk produksi dan industri kreatif mengajar dirinya bukan sahaja seni, tetapi tanggungjawab untuk berkarya dengan nilai, etika, dan menjaga maruah agama.

Semasa mengikuti pengajian berkenaan, beliau juga berpeluang untuk menghasilkan karya yang mempromosikan identiti Brunei dan Borneo di peringkat tempatan maupun antarabangsa.

"Saya percaya karya visual mampu mendidik, memupuk rasa bangga terhadap budaya sendiri, dan menghubungkan masyarakat kita dengan dunia luar. Kemahiran teras yang saya kuasai termasuk pengurusan produksi, reka bentuk set, solekan kesan khas (SFX), penyelidikan budaya dan kepimpinan pasukan. Kemahiran ini bukan sahaja meningkatkan kualiti karya tetapi juga memberi sumbangan langsung kepada pembangunan industri kreatif negara," ujarnya.

Dayang Norfadillah yang berjaya mengikuti pengajian ijazah sarjana muda dalam tempoh empat tahun itu juga berkongsi selama satu semester dalam pengajian itu, dirinya berpeluang mengikuti pertukaran pelajar di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di bawah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, dengan penghususan dalam bidang sinematografi.

Pada akhir temu bual, beliau turut menyarankan kepada mahasiswa dan mahasiswi UBD yang masih meniti perjuangan pengajian mereka untuk jangan biarkan 'suara luar' menghentikan kita daripada melakukan sesuatu yang kita tahu kita ada potensi untuk melakukannya.

"Pilihlah persekitaran dan rakan-rakan yang positif kerana mereka akan membantu awda bangkit. Kadang-kadang, di sebalik rasa takut itu adalah cara Allah Subhanahu Wata'alá menunjukkan dan mengajar kita bahawa sebenarnya kita mampu menjadi lebih berani dan kuat."

"Gunakan waktu di UBD untuk mencuba perkara baru, walaupun di luar bidang awda, kerana di sinilah tempat terbaik untuk mengasah dan menemui bakat. Setiap cabaran adalah peluang untuk membina kekuatan dan keyakinan diri," tegasnya.



DR. Siti Nurzahah binti Haji Dullah selaku penerima graduan PhD dalam jurusan 'Islamic Civilisation and Contemporary Issues' di Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam semasa bergambar bersama ahli keluarganya.



Bahagian Teknologi Maklumat  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam

**Bil. Sebut Harga:**  
02 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025  
The Supply, Delivery, Installation,  
Setup, Configuration, Testing And  
Maintenance For Switches At  
Department Of Mosque Affairs,  
Ministry Of Religious Affairs

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu, 20 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang



**Tajuk Sebut Harga:**  
RTB/K/71/25-26  
Pembekalan Alat Solek dan  
Dandanan Rambut Bagi Unit Imej dan  
Solek, Bahagian Rancangan TV, RTB

**Bayaran Yuran:**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BND5.00 (Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 20 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang



**Rujukan Tawaran:**  
JKED / TAWARAN / UPDP /  
BL / Q / 2025 – 11  
Pembekalan Mesin Pencincang  
Kertas Untuk Jabatan Kastam  
dan Eksais Diraja, Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 26 Ogos 2025



**Bil. Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / ES01 /  
2025 - 2026

**Keterangan:**  
Membekal, Menghantar dan  
Memasang Papan Tanda Bagi  
Sekolah-Sekolah Agama  
Jabatan Pengajaran Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Tahun 1447H - 1448H /  
2025M - 2026M

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 26 Safar 1447H /  
20 Ogos 2025M  
Tidak lewat jam 2.00 petang



**DA / JKSH / 83 / 2025 / 2026  
[BPPA-OGOS-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan Café  
Bagi Pusat Perkhidmatan  
Setempat, Kementerian  
Pendidikan, Negara Brunei  
Darussalam Bagi Tempoh Enam  
(6) Bulan.

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**  
Sabtu, 23 Ogos 2025  
(Jam 9.00 pagi)



**Bil. Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / 07 /  
2025 - 2026

**Keterangan:**  
Mencetak Ulang, Membekal dan  
Menghantar Buku-Buku Teks  
Pengetahuan Ugama Islam (IRK)  
Rendah dan Menengah, Bagi Sesi  
Pembelajaran Tahun 2026,  
Jabatan Pengajaran Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Tahun 1447H-1448H /  
2025M-2026M

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 3 Rabiulawal 1447H /  
27 Ogos 2025M  
Tidak lewat jam 2.00 petang



## Iklan Jawatan Kosong

### Syarat-syarat Am

a) Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

c) Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

### PERATURAN 7(a)

>> Muka 22



**Tajuk Tawaran:**  
Invitation For Expression Of  
Interest (EOI) – To Operate And  
Maintain The Operation And  
Interior Of Kampong Ayer Tourism  
& Cultural Gallery, Bandar Seri  
Begawan, Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Tawaran:**  
Rabu, 6 Ogos 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 18 September 2025  
Jam 2.00 petang



Borang permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen berkenaan hendaklah dikembalikan kepada:

**Pendaftar**  
Kolej Universiti Perguruan  
Ugama Seri Begawan  
Km 2, Jalan Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha,  
Bandar Seri Begawan, BA 2111,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Iklan:**  
25 Ogos 2025  
**Bilangan Iklan:** KUPU  
SB/PJW/6.01/25-1D

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang

memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +673 2236277





KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN UGAMA SERI  
BEGAWAN

## >> Muka 21

Dibukakan kepada orang ramai, pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam.

**Jawatan:**  
Penyelia Asrama Tingkat III

**Bahagian:**  
IV

**Tangga Gaji:**  
D.3-4 EB.5-6  
(BND900 - BND1,785 sebulan)

**Kekosongan Jawatan:**  
Satu (1)

### Pemberitahuan

Permohonan hendaklah menggunakan Borang KUPU SB/P1 boleh didapati dengan melayari laman web:  
[www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

Bagi pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan, selain memohon melalui online, salinan hardcopy borang permohonan juga hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan;
- Borang Pengesahan Ketua Jabatan;
- Rekod Penilaian yang lengkap dan terkini

Borang permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen berkenaan hendaklah dikembalikan kepada:

**Pendaftar**  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan  
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,  
Bandar Seri Begawan, BA 2111,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Iklan:**  
25 Ogos 2025

**Bilangan Iklan:** KUPU  
SB/PJW/6.01/25-1E

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenaraikan pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +673 2236277



## Iklan Jawatan Kosong

### Syarat-syarat Am

- Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

### PERATURAN 38(a)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai yang sedang berkhidmat di perkhidmatan awam, Negara Brunei Darussalam

**Jawatan:**  
Penolong Kanan Profesor

**Bahagian:**  
I

**Tangga Gaji:**  
PT3 (BND5,900 - BND6,110)  
sebulan

**Kekosongan Jawatan:**  
Satu (1)

**Bidang:**  
Fiqh Kontemporari

### Pemberitahuan

Permohonan hendaklah menggunakan Borang KUPU SB/P1 boleh didapati dengan melayari laman web:  
[www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

Bagi pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan, selain memohon melalui online, salinan hardcopy borang permohonan juga hendaklah dihadapkan melalui Ketua

## Iklan Jawatan Kosong

### Syarat-syarat Am

- Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

### PERATURAN 38(a)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai / tenaga-tenaga akademik tempatan yang sedang berkhidmat di perkhidmatan awam, Negara Brunei

Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan;
  - Borang Pengesahan Ketua Jabatan;
  - Rekod Penilaian yang lengkap dan terkini

Borang permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen berkenaan hendaklah dikembalikan kepada:

**Pendaftar**  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan  
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA 2111, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Iklan:**  
25 Ogos 2025  
**Bilangan Iklan:** KUPU  
SB/PJW/6.01/25-1B

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenaraikan pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +673 2236277



## Iklan Jawatan Kosong

### Syarat-syarat Am

- Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

c) Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

### PERATURAN 38(b)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai/tenaga-tenaga akademik tempatan yang sedang berkhidmat di perkhidmatan awam, Negara Brunei Darussalam

**Jawatan:**  
Penolong Profesor

**Bahagian:**  
II

**Tangga Gaji:**  
PT2 (BND3,880 - BND4,960)  
atau  
PT2A (BND4,480 - BND5,610)

**Kekosongan Jawatan:**  
Empat (4)

**Bidang:**  
Bahasa Arab (Linguistik Gunaan), Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan Khas, Psikologi dan Syariah

### Pemberitahuan

Permohonan hendaklah menggunakan Borang KUPU SB/P1 boleh didapati dengan melayari laman web:  
[www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

Bagi pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan, selain

melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan;
  - Borang Pengesahan Ketua Jabatan;
  - Rekod Penilaian yang lengkap dan terkini

Borang permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen berkenaan hendaklah dikembalikan kepada:

**Pendaftar**  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan  
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA 2111, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Iklan:**  
25 Ogos 2025  
**Bilangan Iklan:** KUPU

memohon melalui online, salinan hardcopy borang permohonan juga hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan;
  - Borang Pengesahan Ketua Jabatan;
  - Rekod Penilaian yang lengkap dan terkini

Borang permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen berkenaan hendaklah dikembalikan kepada:

**Pendaftar**  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan  
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA 2111, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Iklan:**  
25 Ogos 2025  
**Bilangan Iklan:** KUPU  
SB/PJW/6.01/25-1C

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenaraikan pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +673 2236277



## SB/PJW/6.01/25-1A

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenaraikan pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +673 2236277




**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**  
PPB / QTN / JK2025 / FOOD / 01

**Tajuk Tawaran:**  
Penyediaan Jamuan untuk Jemputan Khas, Pegawai dan Kakitangan Pusat Pekerjaan Brunei bagi Acara Jelajah Kerjaya 2025

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Buka Tawaran:**  
Rabu, 6 Ogos 2025

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
20 Ogos 2025  
2.00 petang

**Dokumen Tawaran :**  
Dokumen tawaran boleh diperoleh di Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), setelah yuran tawaran dibuat. Pihak Syarikat dikehendaki untuk menunjukkan slip pembayaran dan rujukan tawaran sebagai bukti.

Sila e-mel screenshot pembayaran berserta nombor tawaran ke:  
[Tender@ppb.gov.bn](mailto:Tender@ppb.gov.bn) dan [kewangan.jpm@jpm.gov.bn](mailto:kewangan.jpm@jpm.gov.bn)

**Membersihkan Kawasan Luar dan Dalam Unit Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas**

**Tarikh Tutup:**  
27 Ogos 2025, jam 2.00 petang


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
12 / JMM / S / 12 / 91 (2025 / 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Sebut Harga Bagi Projek Construction of Hardstanding Concrete Slab and New Garage Carpark at Bangunan Blok B21, Anggerek Desa, Jabatan Muzium-Muzium

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 28 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang



**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**26 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026**

Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiaki Kerosakan Pada Bangunan Banglow VIP Di Padang Bandaran Kuala Belait, Jalan Sultan Kuala Belait

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**  
(Kelas I dan II Kategori KA01)

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2025 – 2026 / 21

**Tajuk Tawaran:**  
Penyediaan Pakej Mesyuarat dan Bilik Penginapan Sempena UN Tourism Regional Workshop In Brunei Darussalam, 18 – 20 November 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
21 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang


**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78 (Q) / 0005 / 2025 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**  
“Supply of Repair Work On Fibreglass And HDPE Tanks To Marine Biodiversity, Meragang”

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Khamis, 21 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang



**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 19 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang


**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**  
2025 / TDD / EOI / 01

**Tajuk Tawaran:**  
Invitation for Expression of Interest (EOI) – To Operate And Maintain The Operation And Interior Of Kampong Ayer Tourism & Cultural Gallery, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Tawaran:**  
Rabu, 6 Ogos 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 18 September 2025  
Jam 2.00 petang


**KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam**

**Kelas:**  
Terbuka

**Kategori:**  
Terbuka

**Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada:**  
Sabtu, 16 Ogos 2025

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 19 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang

**Bil. Tawaran:**  
KHEDN / LTK / 2025-06

**Tajuk Projek:**  
Term Contract (24 Months) for Facilities Management at Ministry of Home Affairs,Kuala Lurah Control Post and Immigration and National Registration Tutong Branch And National Disaster Management Centre, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Projek:**  
KHEDN / BPE / 2106 / 05

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00 (Tidak dikembalikan)


**JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2025-2026 / 20

**Tajuk Tawaran:**  
To Design, Provide Copywriting, Editorial, Printing and Delivery for Tourist Guide Manual

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 21 Ogos 2025  
Jam 2.00 petang


**JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**1. JPH / 003 / TAW / 399 / 2025-2026**

Menaiktaraf dan Membaiki pulih Pondok Dan Laluan Pendaki Di Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar

**Syarat:** Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II ke atas dan

**Sub-Kategori:** KA01 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam

**2. JPH / 003 / TAW / 400 / 2025-2026**

Membina Pondok Penurunan Dan Bangunan Tempat Penyimpanan Temuai Dan Kelengkapan

**Syarat:** Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III ke atas dan Sub

**Kategori:** KA01 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam


**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**  
BND10.00

**Borang Tawaran:**  
BND15.00 (Tidak dikembalikan)

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Terakhir Membeli Dokumen:**  
Rabu, 27 Ogos 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 9 September 2025




**MAHKAMAH BESAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**KES NO. BCY/CP/112/2024**

Bank Islam Brunei  
Darussalam Berhad  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetsyen

**Asreeyna Binti Sahari @ Saharin**  
BYIC No. 00-263133  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:  
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 17 April 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

Asreeyna Binti Sahari @ Saharin  
No. 13, Simpang 1128,  
Kampung Kianas  
Jln. Tutong, BF2520,  
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 15 Mei 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/112/2024**

Bank Islam Brunei  
Darussalam Berhad  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetsyen

**Asreeyna Binti Sahari @ Saharin**  
BYIC No. 00-263133  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 17 April 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 11 Ogos 2025 jam 2.30 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 11 Ogos 2025 jam 2:30 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa

secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Tarikh: 18 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/197/2011**

Baiduri Bank Berhad  
... Pemutang / Pemetsyen

Rosilawaty Binti Morni  
[Kad Pengenalan Brunei  
No. 30-201738 - Ungu]  
... Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:  
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 10 Mei 2025.

**Nama dan alamat Bankrap:**  
Rosilawaty binti Morni,  
No. 21, Simpang 50, Jalan Parak,  
RPN Kampung Panaga,  
Seria, Kuala Belait,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:  
27 Februari 2025

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/7/2012**

BIBD At-Tamwil Berhad  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetsyen

Hajah Norazlinawati  
Binti Awg Haji Ahmad  
BYIC No. 00-284938  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 30 Jun 2012 telah dibatalkan pada 15 Mei 2025.

**Nama Penghutang:**  
Hajah Norazlinawati  
binti Awg. Haji Ahmad

Alamat Penghutang: No. 902,  
Kg. Pengkalan Batu, BH1123,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 16 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/236/2015**

Baiduri Finance Berhad  
(previously filed by HSBC  
Finance (B) Berhad)  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetsyen

Mahani Binti Mohamed  
BYIC No. 00-079112  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 29 Disember 2016 telah dibatalkan pada 10 Mei 2025.

**Nama Penghutang:**  
Mahani binti Mohamed

**Alamat Penghutang:**  
No. 17, Spg. 1185-73-193-11,,

Perpindahan Kg. Bukti Beruang,  
Tutong TC3345,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 16 Jun 2025

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**

Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
b/p Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/288/2024**

Bank Islam Brunei  
Darussalam Berhad  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetsyen

**Mahali Bin Suili**

(BYIC NO. 00-304265 )  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 24 April 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

Mahali Bin Suili  
Lot No. 73445,  
No. 19, Simpang 19-4-11,  
Jalan Ambin,  
RPN Kampung Lugu Kluster,  
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: 7 Disember 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/288/2024**

Bank Islam Brunei  
Darussalam Berhad  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetsyen

**Mahali Bin Suili**

(BYIC NO. 00-304265 )  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 24 April 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-20), Mahkamah Besar pada 27 Ogos 2025 jam 9.15 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 27 Ogos 2025 jam 9.15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa

suruhanjaya kerajaan  
suruhanjaya kerajaan  
suruhanjaya kerajaan  
suruhanjaya kerajaan

**IKLAN JAWATAN KOSONG  
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEkosongan Jawatan, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**PERINGATAN PENTING**

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pengalaman kerja)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (SKP, transkrip dan pengiktirafan Majlis Ketua-tua Pengurusan Kewangan)
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (tarikh / tempat / peranan / pengalaman kerja profesional dan latihan yang diperlukan di dalam skim iklan)

| JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN  | URUS SETIA PENGAMBILAN  | KEkosongan | JENIS IKLAN      | TARIKH TUTUP PERMOHONAN |
|--|-------------------------|------------|------------------|-------------------------|
| PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU<br>KEMENTERIAN KESIHATAN<br>M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II)<br>2025/AUG/02/KKS                                       | KEMENTERIAN KESIHATAN   | 09         | 7(A) LUAR BIDANG | 27 OGOS 2025            |
| PENOLONG KETUA TEKNIK PENERBITAN<br>JABATAN MUFTI KERJAAN<br>JABATAN PERDANA MENTERI<br>C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)<br>2025/AUG/02/JPM         | JABATAN PERDANA MENTERI | 01         | 7(A)             | 27 OGOS 2025            |
| PEGAWAI TUGAS-TUGAS TINGKAT I<br>JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA<br>KEMENTERIAN PERTAHANAN B.3 (BAHAGIAN II)<br>I2025/AUG/01/KPTH | KEMENTERIAN PERTAHANAN  | 01         | 38(A)            | 27 OGOS 2025            |

PERINGATAN:  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".  
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLAKUKAN DIWABAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.  
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh: 17 Jun 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**  
Timbalan Penerima Rasmi  
b/p Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/229/2024**

**Baiduri Finance Berhad**  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetsyen

**Manisah Binti Awg Haji Ghani**  
BYIC NO. 00-276561  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 1 Mac 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 5 Julai 2025 jam 9.15 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 5 Julai 2025 jam 9.15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh: 23 Jun 2025  
**Nur Sariy**



28 Safar – 7 Rabiulawal 1447  
22 – 31 Ogos 2025



**Setiap Hari**  
8.30 pagi – 9.30 malam



**Pusat Persidangan  
Antarabangsa, Berakas**

**Hari Jumaat**

8.30 pagi – 11.30 pagi  
2.30 petang – 9.30 malam



+673 2382511



[www.dbp.gov.bn](http://www.dbp.gov.bn)



dbpbrunei  
pbbrunei



dbpbrunei



Dewan Bahasa dan  
Pustaka Brunei

# PUISI

## KEPADA DIRI DAN KAUMKU SEUGAMA Khatam Al-Qur'an 79 Kali

Al-Qur'an oh Al-Qur'an  
**KALAMULLAH AL-'AZEEM**  
**KALAMULLAH MAHA HEBAT**  
**KALAMULLAH MAHA BERKAT**  
 di langit ia hebat  
 di bumi juga ia hebat  
 tanpa semua Kalam (Perkataan)  
 mampu menandanginya.  
 Isi di dalamnya  
 semua ilmu,  
 jika ditulis  
 tiada habis  
 sekalipun  
 semua lautan  
 jadi dawatnya,  
 itulah ia  
 "Ilmu Allah."  
 Al-Qur'an  
 kuasa di atas dunia  
 dan kuasa  
 di perut bumi  
 untuk memberi syafa'at  
 kepada pembacanya.  
 Al-Qur'an penawar dan ubat  
 penyembuh penyakit  
 jasmani dan rohani.  
 Bertanya seorang sahabat:  
 "Wahai Rasulullah,  
 Surah apakah yang agung  
 dalam Al-Qur'an?"  
 Menjawab Baginda:  
 "Surah  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾"  
 Bertanya terus sahabat:  
 "Ayat apa pula yang agung?"  
 Menjawab Nabi Allah:  
 "﴿إِنَّمَا الْأَوْيَانُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾"  
 Dari riwayat Anas  
 radhiallah 'anhу  
 seorang lelaki  
 berkata kepada Nabi:  
 "Wahai Rasulullah,  
 sesungguhnya saya  
 mencintai  
 "Surah  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾"  
 Bersabda Nabi:  
 "Cintamu  
 kepada Surah ini  
 memasukkanmu ke syurga."  
 Banyak lagi  
 keutamaan membaca  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾,  
 antaranya dari Anas  
 radhiallah 'anhу,  
 Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam  
 bersabda, maksudnya:

"Barangsiapa membaca  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 sekali sahaja,  
 Allah berkati dia,  
 membaca dua kali,  
 Allah berkati dia  
 dan keluarganya,  
 membaca tiga kali,  
 Allah berkati dia,  
 keluarganya dan jirananya.  
 "Seterusnya Hadits mengungkap:  
 "Barangsiapa membaca  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 dua belas (12) kali,  
 Allah bina untuknya  
 12 istana di dalam syurga.  
 Dan barangsiapa membaca  
 dua puluh (20) kali,  
 Allah tampilkan dia  
 di akhirat bersama-sama  
 para Nabi."  
 Demikian itu  
 antara keutamaan membaca  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 Keutamaan membaca  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 Nabi kita bersabda, maksudnya:  
 "Barangsiapa membaca  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 pada tiap-tiap  
 lepas sembahyang fardhu  
 maka tiada tegahan baginya  
 untuk masuk syurga  
 kecuali mati,  
 yang bermakna  
 jika dia mati  
 terus masuk syurga."  
 Riwayat lain,  
 Malaikat Jibril  
 berkata kepada Nabi:  
 "Wahai Muhammad,  
 sesungguhnya jin 'ifrit  
 mahu menipu,  
 maka halaulah dia daripadamu  
 dengan  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 Sayyidina 'Ali Kararmallahu wajah  
 berwasiat:  
 "Jika kamu  
 berhajat sesuatu,  
 maka bacalah  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 dan melangkahlah  
 dengan kaki kanan."  
 Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam juga  
 berwasiat kepada

sahabat Abu Hurairah:  
 "Supaya membanyakkan membaca  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 kerana dengan membacanya  
 ditulis bagi pembaca  
 tiap-tiap huruf yang dibaca  
 menghasilkan  
 empat puluh (40) ribu kebajikan."  
 Lagi dari Anas radhiallahu 'anhу  
 Rasulullah bersabda, maksudnya:  
 "Jika dibaca  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 dan pahalanya  
 untuk penghuni  
 kubur maka Allah akan masukkan  
 ke dalam tiap-tiap kubur  
 empat puluh (40) cahaya  
 dan diluaskan-Nya  
 kubur-kubur itu  
 dan diangkat juga darjat  
 bagi tiap-tiap mayat,  
 serta untuk pembaca pula  
 diberi pahala  
 enam puluh (60) para Nabi  
 dan Allah jadikan  
 tiap-tiap huruf yang dibaca  
 seorang Malaikat  
 yang bertasbih kepada Allah  
 hingga hari kiamat.  
 Demikian keutamaan  
 sekadar SATU Surah  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 dan SATU Ayat  
 ﴿الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ﴾  
 sebagai gambaran  
 betapa hebatnya  
 fadhilat Al-Qur'an.  
 Nah, sekarang  
 Qur'an yang mulia ini  
 Qur'an yang mempunyai mukjizat  
 Qur'an yang penuh berkat  
 telah dibaca hingga khatam  
 sebanyak tujuh puluh sembilan (79) kali  
 iaitu angka keramat  
 merujuk kepada  
 usia raja kita.  
 Betapa  
 jika seluruh Al-Qur'an  
 dibaca semuanya  
 dalam kapasiti  
 seratus empat belas (114) jumlah Surah  
 sedang menurut Nabi:  
 Jika dibaca SATU huruf sahaja  
 akan dibalas  
 dengan satu kebajikan

dan satu kebajikan itu  
 digandakan menjadi sepuluh.  
 Menurut Baginda lagi:  
 Bukanlah satu huruf tetapi  
 Alif satu huruf  
 Lam satu huruf  
 dan Mim satu huruf.  
 Jadi bayangkan,  
 kalau seluruh Al-Qur'an  
 yang mengandungi  
 jutaan huruf  
 dibaca sebanyak  
 79 kali khatam  
 maka berapakah kebajikan  
 yang boleh diraih?  
 Subhanallah  
 sangat banyak  
 tidak mudah  
 untuk dihitung.  
 Dan ini,  
 jika diniatkan  
 untuk raja,  
 maka bermakna  
 jutaan huruf  
 yang dibaca itu  
 adalah semuanya  
 do'a belaka:  
 do'a agung  
 do'a luar biasa  
 do'a mohon kebajikan  
 do'a mohon syafa'at  
 untuk raja,  
 bahkan  
 boleh juga dikumpul  
 untuk negara  
 untuk kerajaan Baginda  
 dan untuk rakyat jelata,  
 sekiranya  
 kita berniat  
 yang demikian itu,  
 kerana Nabi bersabda:  
 "Semua amal dengan niat."  
 Jadi memang  
 rancangan 79 kali khatam  
 adalah ia  
 rancangan amat hebat  
 rancangan amat bermanfa'at  
 mampu, ya mampu  
 untuk menghadirkan  
 RAHMAT dan BERKAT.

ADI RUMI,  
 Rumah Hidayah,  
 Brunei Darussalam,  
 11 Safar, 1447  
 5 Ogos, 2025.

## 1 PRODUK KOSMETIK DICEMARI BAHAN TERLARANG

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
 Khamis, 14 Ogos. - Kementerian  
 Kesihatan ingin memaklumkan  
 kepada orang ramai supaya tidak  
 menggunakan satu produk  
 kosmetik yang mana hasil dari  
 ujian makmal Bahagian Farmasi,  
 Jabatan Perkhidmatan Saintifik,  
 Kementerian Kesihatan telah  
 mendapati bahawa produk tersebut  
 dicemari dengan bahan terlarang /  
 bahan racun berjadual yang  
 tersenarai di dalam Akta Racun  
 1956 yang tidak diisyiharkan.

Produk kosmetik tercemar yang  
 berkenaan adalah Glowing Beauty  
 Skincare by Glowing Beauty -  
 Glowing Night Treatment (tidak  
 dinyatakan pengilang) yang  
 dicemari dengan Hydroquinone.

Bahan pencemar dalam produk  
 berkenaan boleh mengakibatkan  
 kesan-kesan mudarat yang  
 membahayakan kesihatan.

Hydroquinone adalah bahan  
 yang digunakan dalam  
 ubat-ubatan yang memerlukan

preskripsi bagi merawat penyakit  
 kulit dan ia dilarang sebagai bahan  
 di dalam produk kosmetik  
 penjagaan kulit di bawah Peraturan  
 Ubat (Produk Kosmetik), 2007.

Penggunaan Hydroquinone  
 tanpa pengawasan boleh  
 menyebabkan perubahan warna  
 kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit  
 yang disapu menjadi biru-hitam  
 atau gelap serta boleh  
 meningkatkan risiko kanser kulit.

Kementerian Kesihatan tidak  
 pernah mengeluarkan kebenaran

ke atas pengimportan untuk  
 penjualan produk tersebut  
 dan/atau mengeluarkan Surat  
 Pengakuan Notifikasi Produk  
 Kosmetik bagi penjualan produk  
 tersebut. Berikut dapatan ini,  
 produk berkenaan adalah dilarang

untuk diimport dan dijual di Negara  
 Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah  
 menggunakan produk tersebut  
 adalah dinasihatkan untuk  
 memberhentikan penggunaannya

dengan serta-merta. Jika mereka  
 mengalami kesan advers dan  
 merasa tidak sihat selepas  
 menggunakan produk berkenaan,  
 hendaklah berjumpa doktor  
 dengan segera.

Penjualan produk tersebut  
 (termasuk penjualan secara online  
 seperti melalui Facebook dan  
 sebagainya) adalah menjadi satu  
 kesalahan di bawah Peraturan  
 Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan  
 jika didapati bersalah boleh  
 didenda tidak melebihi BND5,000,  
 penjara tidak melebihi dua tahun  
 atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga  
 ingin memohon kerjasama dari  
 orang ramai untuk melaporkan  
 kepada Bahagian Komplians dan  
 Perlesenan jika mendapati produk  
 berkenaan masih dipasarkan di

negara ini.  
 Untuk maklumat dan  
 perhubungan lanjut, orang ramai  
 boleh menghubungi Bahagian  
 Komplians dan Perlesenan melalui  
 talian telefon +673 2393301  
 sambungan 208; menghantar

e-mel  
 kepada  
[pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn);  
 berjumpa terus Pegawai  
 Komplians dan Perlesenan di  
 Tingkat 1, Bangunan Jabatan  
 Perkhidmatan Farmasi, Kampung  
 Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau  
 hubungi Talian Darussalam 123.

GLOWING Beauty Skincare by  
 Glowing Beauty - Glowing Night  
 Treatment dicemari dengan  
 Hydroquinone (kanan dan bawah).





# UBD kekal berdaya saing, bergerak seiring perubahan dunia

Rencana : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

## Penubuhan UBD

**P**ENUBUHAN Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai sebuah universiti pertama di Negara Brunei Darussalam adalah salah satu perkembangan penting dalam dunia pendidikan semasa pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana ia dapat memberikan rakyat dan penduduk negara ini lebih banyak peluang dan kesempatan untuk mengikuti pengajian tinggi dalam masa yang sama kerajaan berpeluang memperoleh sumber tenaga manusia daripada rakyat baginda sendiri yang berpengetahuan tinggi dan berkualiti, yang setentunya boleh menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan.

Selaku Canselor UBD, keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga terlihat apabila baginda kerap menekan tentang kepentingan dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dan progresif, di samping mewujudkan kampus yang bersifat lebih mesra alam juga kondusif. Sebagaimana titah baginda semasa Majlis Konvokesyen Ke-36 UBD bagi Tahun 2024, antara petikan titah baginda ialah, "Bercakap mengenai generasi ini, UBD sebagai universiti terulung di negara ini perlu bersedia menggalas tanggungjawab untuk melahirkan generasi yang progresif lagi kreatif, melalui keluaran-keluaran universiti pada setiap tahun. Dalam hubungan ini, beta suka cinta mengambil maklum bahawa UBD telah merangkakan UBD Sustainable Blueprint bagi mewujudkan ekosistem yang berdaya tahan. Dengan adanya Blueprint ini, kita berharap UBD akan dapat mewujudkan kampus yang bersifat lebih mesra alam dan kondusif dalam melahirkan generasi pemimpin yang sentiasa bersedia menangani tantangan zaman".

## Lahirkan graduan berpotensi

Dengan adanya Konvokesyen Ke-37 UBD bagi Tahun 2025, maka meningkatlah lagi para graduan lepasan universiti yang berprestij ini yang bukan sahaja

mempunyai pencapaian dalam bidang akademik malahan juga dalam bidang ko-kurikulum dan keagamaan.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berperanan memperkembangkan evolusi akademik, UBD secara aktif di dalam pelbagai kerjasama dan penyelidikan yang bersifat inovatif melibatkan cendekiawan-cendekiawan terkemuka dan juga penyelidik-penyelidik.

## Pencapaian UBD

Pada tahun ini, UBD turut mencatatkan satu sejarah dengan jumlah penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) tertinggi dalam sejarah UBD, iaitu seramai 55 orang terdiri daripada 23 graduan anak tempatan dan 32 graduan antarabangsa. Tahun ini, UBD juga buat julung kalinya menyaksikan Penganugerahan kepada Kohort pertama graduan daripada Bachelor of Digital Science in Applied Artificial Intelligence dan Master of Digital Public Health.

UBD juga telah merangka sebuah program dan kurikulum baru yang dinamakan Gen.B.E.S.T.A.R.I. (ataupun Generasi BESTARI) yang bukan sahaja melibatkan pembaharuan dalam Kurikulum Akademik, tetapi juga turut mengintegrasikan aktiviti - aktiviti kurikulum, untuk melahirkan graduan yang cemerlang dan holistik.

Program Gen.B.E.S.T.A.R.I. yang akan mempunyai tempoh pengajian selama tiga tahun, dirangka bukan sekadar untuk memendekkan tempoh pengajian, bahkan telah melalui penelitian mendalam bersama stakeholders termasuk sektor industri bagi melahirkan sebuah Kurikulum Akademik yang *transformative* dan *pluridisciplinary* yang merangkumi Modul Wajib (Compulsory Modules) dan Modul Pilihan (Elektif).

Manakala Pembelajaran Melalui Pengalaman atau Experimental Learning dalam program Discovery Year (DY) akan terus dikekalkan sebagai komponen wajib.

Sementara untuk komponen kokurikulum, pembaharuan melibatkan pengenalan dua kategori utama, iaitu Pamor sebagai aktiviti teras yang wajib diikuti oleh semua pelajar; dan Citra sebagai aktiviti pilihan mengikut minat dan kecenderungan masing-masing.

Pendekatan baharu ini memastikan kedua-dua aspek pencapaian akademik dan kemahiran insaniah dinilai secara saling melengkapi dan akan bermula pada September 2026. Melalui Gen.B.E.S.T.A.R.I., UBD melalui Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah juga turut menyumbang kepada kerjaya dalam pembangunan

pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama di peringkat sekolah rendah yang mana mencerminkan sokongan padu UBD terhadap hasrat negara melahirkan generasi berilmu, berakhlaq dan berjati diri Islam, selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

## Penubuhan Faculty of Military Studies

Penubuhan Faculty of Military Studies yang diasaskan oleh Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan bersama UBD juga memperkenalkan Program Master of Defence and Security Studies (MDSS) mulai Januari 2025 yang merupakan program sepenuh masa dalam tempoh satu tahun dan diikuti oleh 37 pelajar terdiri daripada 18 tempatan dan 19 pelajar antarabangsa. Melalui program ini, ia mampu membuat pengintegrasian penting antara Pendidikan Akademik dan Professional Military Education.

## Perkenalkan Program Baharu

UBD juga turut memperkenalkan program baharu iaitu Master of Science in Islamic Finance and Data Analytics, Master of Science in Logistics and Supply Chain Management dan Doctorate of Business Administration (DBA).

## Kerjasama UBD

Dalam menjadikan ia sebagai pusat penyelidikan kolaboratif, UBD juga akan bekerjasama dengan The Education University of Hongkong (EdUHK) untuk menuju A Joint Centre for Educational Development and Advancement in Curriculum, Pedagogy and Assessment yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan kolaboratif dan pembangunan profesional ke arah membina Komuniti Amalan (Communities of Practice) khususnya dalam bidang Inclusive Special Education dan Early Childhood Education and Care.

## Bidang penyelidikan

Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen Ke-36 UBD bagi UBD memperkuatkannya kerjasama industri di negara ini, UBD telah menjalin hubungan strategik dengan pelbagai industri di dalam dan luar negara dengan menandatangani 14

Memorandum Persefahaman (MoU) baharu dan mengenal pasti 10 lagi kerjasama yang akan dimeterai ini termasuk dengan Brunei Methanol Company (BMC) bagi memperkenalkan biasiswa BMC-UBD Industrial Scholarship bagi pelajar tempatan dalam penyelidikan teknologi baharu.

## Pencapaian berprestij UBD

Dari segi pencapaiannya pula, UBD terus mencatat pencapaian berprestij di peringkat serantau dan antarabangsa. Dalam bidang inovasi dan Pendidikan digital, UBD melalui School of Digital Science telah menerima Coursera AI Innovation Award 2024 bagi Asia Pasifik. Di peringkat universiti pula ia telah dianugerahkan Babson Collaborative Spotlight Award 2025 atas pendekatan keusahawanan yang inklusif dan inovatif serta kejayaan pasukan Belia Tabah UBD di Shell Eco-marathon 2025 di Doha, Qatar, dengan kenderaan 'Mekar'.

Dari segi penyelidikan pula, UBD pada tahun 2024 telah menghasilkan 876 penerbitan berkualiti tinggi dengan jumlah petikan melebihi 31,000 citations sekali gus mengukuhkan kedudukan UBD sebagai peneraju ilmu di rantau ini. Manakala Jurnal Southeast Asia : A Multidisciplinary Journal (SEAMJ) terbitan Fakulti Sastera dan Sains Sosial telah diiktiraf sebagai SCOPUS-indexed, menandakan pencapaian penting dari segi piawaian akademik dan kredibiliti antarabangsa.

Kesimpulannya, segala perkembangan dan pencapaian ini turut mencerminkan di mana UBD sentiasa bergerak seiring dengan perubahan dunia yang begitu pantas dan penuh ketidaktentuan. UBD juga akan terus memastikan kedudukannya kekal berdaya saing, relevan dan berperanan penting di dalam membina masa depan yang lestari bagi masyarakat dan negara. Ditambah lagi dengan sokongan padu Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berterusan ia menjadi sumber inspirasi kepada kesemua warga UBD untuk terus bergerak maju di dalam memantapkan lagi kedudukannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi dan gemilang.

Apakah lagi dengan adanya graduan-graduan yang lahir dari konvokesyen UBD saban tahun akan menjadi nadi dan tulang belakang negara di dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Segala skil dan pengetahuan yang diperoleh dan dipelajari di UBD ini diharap dapat menyediakan para graduan dalam membuat pilihan pekerjaan sama ada dalam kerajaan maupun swasta.

# 21 KAKITANGAN IKUTI KURSUS FIRE MARSHAL

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 14 Ogos. - Seramai 21 pegawai dan kakitangan daripada agensi kerajaan dan swasta, iaitu Dapur Asrama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Maktab Duli), Gadong dan Kiulap Plaza Hotel, telah mengikuti Kursus Fire

Marshal selama tiga hari, bermula 12 Ogos dan berakhir hari ini.

Kursus yang dikendalikan oleh Cawangan Operasi 'A', Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Seri Begawan itu bertujuan memberikan pengetahuan asas mengenai risiko kebakaran,

khususnya di dapur asrama, serta langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil.

Peserta turut dilatih mengenai tindakan segera sekiranya berlaku kebakaran, termasuk pengaktifan penggera dan prosedur pemindahan penghuni.



PARA peserta semasa sesi bergambar ramai pada Kursus Fire Marshal.

## Pupuk semangat kerjasama, eratkan hubungan kekeluargaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Ogos. - Bagi memperkuuh hubungan silaturahim antara rakan seliaan dan keluarga mereka serta memberi sokongan moral dalam proses integrasi semula ke dalam masyarakat, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling) dengan kerjasama Pusat Reintegrasi, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menganjurkan Program Usrah (Aftercare) Bersama Rakan Seliaan bertempat di Pusat Reintegrasi, Jabatan Penjara, Kampung Beribi.

Hadir ke acara tersebut ialah Ketua Pemulihan dan Reintegrasi, Jabatan Penjara, Pengiran Roslinawati binti Pengiran Haji Omar; Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan; dan Presiden The Aftercare Support Association (AFSA), Dayang Hajah Juhana binti Haji Jaya.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiha, dan doa.

Seterusnya, para peserta menyertai aktiviti pemanasan badan serta briskwalk yang dikenal pasti oleh jurulatih daripada Jabatan Penjara.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan termasuk sukanaka



ANTARA aktiviti yang diadakan pada Program Usrah (Aftercare) Bersama Rakan Seliaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

keluarga, pertandingan bola sepak bagi peserta lelaki antara ahli jawatankuasa dan rakan seliaan, serta pertandingan Dadu Giant bagi peserta perempuan antara ahli jawatankuasa dan rakan seliaan.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Objektif utama program ini adalah untuk menambah ilmu pengetahuan agama kepada bekas banduan secara berterusan selepas tempoh in care, di samping

memberikan bimbingan berterusan agar mereka dapat meningkatkan harga diri dan diterima kembali oleh masyarakat.

Menurut wakil pengajur, program seumpama ini diharap dapat membina keyakinan diri, memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam kalangan peserta selaras dengan matlamat Aftercare untuk membantu mereka kembali berperanan aktif dalam masyarakat.



SESI bergambar ramai pada program tersebut yang telah diadakan di Pusat Reintegrasi, Jabatan Penjara, Kampung Beribi.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

Selain itu, kursus berkenaan juga membekalkan kemahiran praktikal dalam penggunaan alat pemadam api dan hos kebakaran dengan cara yang betul dan selamat, sekali gus memastikan semua kakitangan memahami serta mematuhi prosedur keselamatan yang ditetapkan pihak asrama dan pihak berkuasa.

Sepanjang kursus, para peserta didedahkan secara teori dan praktikal mengenai punca-punca kebakaran, tatacara pengosongan bangunan secara bersistematis, penggunaan peralatan pemadam api, serta kaedah menyelamatkan

diri jika terperangkap di dalam bangunan.

Mereka juga berkesempatan membuat lawatan ke Unit Operasi Wanita bagi melihat lebih dekat peranan Ahli Bomba Wanita, di samping meninjau peralatan bomba yang digunakan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) turut memanfaatkan kesempatan ini untuk mengadakan Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995 serta mengingatkan orang ramai agar menghubungi terus Talian Kecemasan Bomba 995 dengan memberikan maklumat tepat sekiranya berlaku kecemasan.

## Melahirkan masyarakat mahir, cekap dalam menyempurnakan jenazah

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Ogos. - Kursus Penyempurnaan Jenazah merupakan satu inisiatif yang bertujuan memperkuuh penguasaan ilmu fardu kifayah dalam kalangan masyarakat Islam.

Penguasaan ilmu ini amat penting bagi memastikan pengurusan jenazah dapat dilaksanakan dengan tertib, sempurna, dan mematuhi tuntutan hukum syarak.

Sehubungan itu, bagi meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan jenazah mengikut hukum syarak di samping melahirkan individu yang mahir dan cekap dalam menyempurnakan jenazah, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarow dengan kerjasama Syarikat Takaful Brunei Sdn. Bhd. menganjurkan Kursus Penyempurnaan Jenazah khusus bagi pegawai dan kakitangan syarikat berkenaan.

Kursus tersebut dikendalikan pada setiap Khamis bagi bulan Ogos dan September, iaitu pada 14 dan 21 Ogos, serta 11 dan 25 September 2025.

Seramai 65 orang menyertai siri pertama kursus yang diadakan di Dewan Serbaguna Jame' Asr Hassani Bolkiah.

Kursus pada hari ini merangkumi sesi tazkirah mengenai pengurusan jenazah yang disampaikan oleh Imam Masjid Kampung Pulaie, Awang Haji Muhammad Nuralif bin Haji Talip.

Beliau turut memberikan latihan praktikal pengurusan jenazah kepada para peserta lelaki dan kemudiannya juga memberikan latihan praktikal penyempurnaan solat jenazah kepada semua peserta.

Bagi peserta perempuan, latihan pengurusan jenazah dikendalikan oleh dua orang penggapai iaitu Dayang Hajah Rosmawati binti Haji Ismail dan Dayang Noradian binti Haji Jumat.

Kursus ini juga bertujuan untuk menyelaras kerja-kerja pengurusan jenazah serta mengenal pasti amalan-amalan khurafat berkaitan kematian yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Kursus seumpama ini akan diteruskan lagi pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan mengikut jadual.



ANTARA yang hadir menyertai Kursus Penyempurnaan Jenazah yang diadakan di Dewan Serbaguna Jame' Asr Hassani Bolkiah.

# MEMPERKASA KEMAHIRAN, PENGETAHUAN BELIA OKU



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BERAKAS**, Khamis, 14 Ogos. - Seramai 38 belia Orang Kelainan Upaya (OKU) daripada persatuan ahli Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Pusat Bahagia dan Jabatan Pendidikan Khas menyertai program Kem Belia Kelainan Upaya atau Youth Disability Camp (YDC) 2025, yang berlangsung selama tiga hari bermula 14 hingga 16 Ogos ini.

Kem anjuran MKOKU tersebut iaitu badan induk kebangsaan yang mewakili sembilan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi OKU di Negara Brunei Darussalam (NBD) diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB).

Perasmian kem tersebut

disempurnakan pagi tadi oleh Penasihat MKOKU, Dato Paduka Haji Alimin bin Haji Abdul Wahab, di Bilik Hijau, SNHB, selaku tetamu kehormat.

Majlis disusuli dengan penyampaian sijil penghargaan kepada lapan buah NGO OKU, kumpulan Nadi Asy-Syura serta pihak pengurusan stadium atas sumbangan mereka.

Terdahulu, Dato Paduka Haji Alimin, dalam ucapannya antara lain menjelaskan, penganjuran YDC ini adalah berlandaskan Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang turut ditandatangani Negara



PENASIHAT MKOKU, Dato Paduka Haji Alimin bin Haji Abdul Wahab, hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan perasmian kem berkenaan yang berlangsung dari 14 hingga 16 Ogos (atas).

Brunei Darussalam (NBD).

Oleh itu, katanya, semua agensi kerajaan, korporat dan awam digalakkan untuk bergerak seiring bagi mengiktiraf serta menghormati hak asasi OKU.

Dengan kedudukan dan kemampuan yang dimiliki, katanya, NBD sewajarnya berupaya mempelopori pelaksanaan CRPD dalam kalangan negara ASEAN.

YDC diwujudkan untuk memperkasa belia OKU dengan meningkatkan ciri-ciri kepimpinan, membina kemahiran kebolehpasaran kerja, serta memupuk kedayatahanan.

Sepanjang tiga hari program diadakan, para peserta akan terlibat dalam pelbagai aktiviti bertemakan kesedaran, daya tahan, kemahiran dan pengetahuan; keterangkuman

serta kelestarian.

Antara sesi utama termasuk memahami UNCRPD, Pameran Organisasi, Bengkel anjuran Nadi Asy-Syura, Perbincangan Dasar dan Pendidikan; serta Cabaran Pembinaan Pasukan.

Sebagai sebahagian daripada Program Eksekutif Muda Kohort 10 (YEP-10) daripada Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Nadi Asy-Syura memainkan peranan penting dalam penganjuran kem pada tahun ini.

Kumpulan berkenaan membawa agensi - agensi utama seperti Pusat Pekerjaan Brunei, Pejabat Wawasan Brunei, ASEAN Youth Advocates Network, The Young SEAkers Brunei dan Epipeople Management & Consultancy untuk mengendalikan bengkel khusus yang bertujuan mempersiapkan

belia OKU bagi alam pekerjaan dan kewarganegaraan aktif.

Matlamat mereka adalah untuk menyediakan peluang pembelajaran berdasarkan pengalaman yang dapat meningkatkan akses kepada pendidikan, pekerjaan dan infrastruktur inklusif, yang memastikan belia OKU tidak ketinggalan dalam pembangunan negara.

YDC 2025 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran UNCRPD dalam kalangan belia OKU di NBD, memperkuuh kepimpinan dan keyakinan diri; memupuk kerjasama pelbagai pihak serta menyelaraskan usaha pemerkasaan OKU dengan Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs).

## Kalong / Flying Fox

**Nama Binatang :**  
Flying Fox or Giant Fruit Bat

**Nama Tempatan :** Kalong atau Kelawar Buah Besar

**Nama saintifik :** Pteropus vampyrus

**Maklumat disediakan oleh :** Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**K**ALONG adalah mamalia unik yang terdapat di hutan tropika Asia Tenggara, termasuk Negara Brunei Darussalam. Dengan sayap yang besar dan lebar serta muka menyerupai seperti musang, Kalong sangat penting untuk pendebungan dan penyebaran benih. Ia mempunyai bulu yang lembut, sayap yang berkulit, dan penglihatan yang baik, membolehkan ia menemui buah-buahan pada waktu malam. Tidak seperti kebanyakan kelawar, ia bergantung pada penglihatan dan bukannya echolocation.

Kalong, juga dikenali sebagai Kelawar Buah Besar, adalah salah satu spesies kelawar terbesar, dengan lebar sayap yang mengagumkan sekitar 1.7 meter. Jantan biasanya lebih besar daripada betina serta mempunyai bulu yang lebih padat di leher mereka dan ini memberikan mereka penampilan yang tersendiri. Kalong lebih suka kawasan hutan tropika atau kawasan pantai, atau hutan bakau, kerana di sini merupakan persekitaran yang hangat dan lembap dengan banyak tempat berlindung dan sumber makanan seperti pokok buah-buahan. Pada siang hari, mereka berkumpul sebagai koloni besar, bergantung pada pokok yang tinggi, dan pada waktu malam, mereka akan terbang untuk mencari makanan. Sebagai spesies

**Kelas Spesies :** Mammal

**Order :** Chiroptera

**IUCN :** Near Threatened

**CITES :** Apendiks II

kelawar frugivora, Kalong memakan buah pokok ara, mangga, pisang dan buah-buahan tropika yang lain. Ia kadang-kadang memakan nektar dan bunga, dan ini menjadikan Kalong sebagai pemain penting dalam pendebungan dan penyebaran benih. Selain daripada itu, dengan memakan buah-buahan dan kemudian menyebarkan benih di lokasi yang berbeza, Kalong memainkan peranan penting dalam mengekalkan kepelbagai dan kesihatan ekosistem mereka.

Semasa musim pembiakan, Kalong yang besar akan mempamerkan tingkah laku yang luar biasa demi untuk menarik perhatian pasang. Lazimnya, seorang ibu Kalong melahirkan seekor anak setiap tahun. Anak Kalong yang kecil akan ditempatkan di bawah sayapnya, dengan memberikan kehangatan badan mereka dan perlindungan sehingga anak ini cukup kuat untuk berpaut padanya secara bebas. Ibu Kalong akan memelihara anaknya untuk beberapa bulan, bagi memastikan anak mereka membesar, bertenaga serta mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk terus hidup sendiri. Tingkah laku asuhan ini adalah seakan-akan menyerupai ibu manusia, yang menunjukkan emosi yang mendalam. Walau bagaimanapun, seperti kebanyakan spesies hidupan liar lain, mamalia ini semakin terancam dengan kemasuhan habitat, penebangan hutan dan perubahan iklim.

Pemburuan haram dan perdagangan hidupan liar menimbulkan risiko besar kepada populasi Kalong. Senarai Merah IUCN



mengklasifikasikan spesies itu sebagai Hampir Terancam, dengan bilangan berkurangan di beberapa wilayah akibat kehilangan tempat bertelur dan sumber makanan. Spesies itu juga disenaraikan di bawah Apendiks II Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Terancam (CITES), yang mengawal selia perdagangannya untuk mengelakkan penurunan yang boleh membawa kepada kepupusan. Kepentingan untuk melindungi habitat Kalong tidak boleh dipertikaikan. Ini adalah bagi memastikan kelangsungan hidup mereka dan mengekalkan keseimbangan ekologi. Tanggungjawab ini

**Sumber Foto :** Haji Mohammad Haji Ibrahim, BWPC 2022, JPH

ialah tanggungjawab semua demi untuk memastikan kepelbagai dan keindahan alam semula jadi kita terpulihara.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar kitani yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : forestry.brunei.

Lindungi hidupan liar kitani untuk memulihara Hutan Kitani.



# KRISIS POLITIK DI NEW CALEDONIA, PEMISAH TOLAK PERJANJIAN

**PARIS**, 14 Ogos. - Pertikaian mengenai masa depan politik gugusan kepulauan Pasifik, New Caledonia, bertukar menjadi krisis selepas lebih setahun gelombang rusuhan ganas melanda wilayah seberang laut Perancis itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kumpulan pemisah Barisan Pembebasan Nasional Kanak dan

Sosialis (FLNKS) pada Rabu mengumumkan mereka menolak perjanjian terbaru yang ditandatangani bersama Paris mengenai status baharu wilayah berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Wilayah Seberang Laut Perancis, Manuel Valls memaklumkan beliau akan melakukan lawatan ke New Caledonia minggu depan untuk diwujudkan kewarganegaraan New

Pada pertengahan Julai lepas, selepas bertahun-tahun rundingan gagal, kerajaan di Paris serta kumpulan penyokong dan pemisah dari New Caledonia mencapai persetujuan.

Perjanjian itu memperuntukkan pembentukan sebuah negara berasingan bagi New Caledonia - tetapi kekal dalam negara Perancis. Di bawah perjanjian itu, akan diwujudkan kewarganegaraan New

Caledonia dan pegawai tempatan diberikan lebih kuasa.

Namun, aspek keselamatan, pertahanan dan kehakiman kekal di bawah kawalan Paris.

Valls ketika itu menyifatkan perjanjian berkenaan sebagai sejarah. Wakil kumpulan pemisah telah menandatanganinya tetapi tidak menganggap ia sebagai komitmen yang mengikat.

Selepas rundingan dalam,

kumpulan pemisah kini menolak perjanjian itu dengan alasan ia tidak membantu mencapai matlamat kemerdekaan mereka.

Tidak pasti sama ada Valls mampu mengubah pendirian kumpulan pemisah itu. Tahun lepas, 14 orang terbunuh dalam rusuhan serius di New Caledonia berhubung pembaharuan pilihan raya yang kontroversi. - ©BERNAMA

# Kerajaan Lithuania isytihar darurat selepas hujan lebat musnahkan hasil tanaman

**MOSCOW**, 14 Ogos. - Kerajaan Lithuania mengisytiharkan darurat di seluruh negara susulan hujan lebat yang memusnahkan antara 50 hingga 70 peratus hasil tanaman, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Kerajaan memutuskan untuk

mengisytiharkan darurat di seluruh negara akibat fenomena semula jadi," menurut kenyataan kerajaan pada Rabu.

Kenyataan itu menyebut bahawa selepas darurat diisytiharkan, para petani boleh memohon pampasan bagi

kerugian yang dialami.

"Disebabkan hujan lebat, sebahagian hasil pertanian telah musnah, manakala kualiti tanaman yang tinggal semakin merosot. Tempoh hujan berpanjangan telah merosakkan atau memusnahkan 50 hingga 70

peratus hasil tanaman. Di kebanyakan kawasan, petani tidak dapat menuai hasil di ladang yang dilanda banjir kerana tidak dapat diakses," menurut

kerajaan.

Menteri Pertanian Lithuania dilantik untuk mengetuai operasi tindak balas kecemasan. - ©BERNAMA

## Pelancong Jerman maut di Mauritius selepas jatuh 125 meter dari gunung

**PORT LOUIS**, 13 Ogos. - Seorang pelancong Jerman berusia 20 tahun maut selepas jatuh dari ketinggian 125 meter ketika mendaki Gunung Le Morne Brabant di barat daya pulau Lautan Hindi, Mauritius, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pihak berkuasa tempatan pada Selasa memaklumkan, mangsa sedang mendaki bersama dua

rakannya pada Isnin apabila, atas sebab yang masih belum jelas, kemalangan itu berlaku.

Pasukan penyelamat mengambil masa beberapa jam untuk sampai ke lokasi mangsa akibat keadaan muka bumi yang sukar. Mangsa tidak mempunyai denyutan nadi ketika petugas kecemasan tiba dan disahkan meninggal dunia sebaik tiba di

hospital.

Polis telah melancarkan siasatan berhubung insiden itu. Gunung Le Morne Brabant telah menjadi lokasi beberapa kemalangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Secara sejarah, dipercayai hamba abdi pernah terjun dari gunung itu untuk melaikan diri daripada tentera British. - ©BERNAMA

peratus hasil tanaman. Di kebanyakan kawasan, petani tidak dapat menuai hasil di ladang yang dilanda banjir kerana tidak dapat diakses," menurut

kerajaan.

Menteri Pertanian Lithuania dilantik untuk mengetuai operasi tindak balas kecemasan. - ©BERNAMA

## Pistol polis terlepas tembakan semasa tangkapan suspek di Lapangan Terbang Sydney

**SYDNEY**, 13 Ogos. - Lapangan Terbang Sydney sebahagiannya ditutup pada Rabu pagi selepas pistol seorang pegawai polis terlepas tembakan secara tidak sengaja semasa pergelutan dengan seorang suspek di terminal domestik, lapor Xinhua.

Polis Persekutuan Australia (AFP) mengesahkan pegawaiannya menahan seorang lelaki di terminal domestik T2 lapangan terbang itu

pada Rabu pagi selepas senjata api polis berkenaan melepaskan tembakan.

Menurut kenyataan AFP, siasatan terhadap insiden itu telah dimulakan dan tiada ancaman berterusan terhadap orang awam.

Australian Broadcasting Corporation melaporkan bahawa lelaki itu sedang ditahan oleh pegawai AFP dalam satu pergelutan apabila pistol tersebut

melepaskan tembakan.

Lapangan Terbang Sydney dalam satu kenyataan berkata tiada kecederaan dilaporkan dan pihaknya sedang membantu AFP. "Lapangan terbang beroperasi seperti biasa," menurut kenyataan itu.

AFP memaklumkan maklumat lanjut mengenai insiden itu akan diberikan pada masa yang sesuai. - ©BERNAMA

Media tempatan juga melaporkan seorang pekerja perhutanan terkorban, manakala empat rakan sekertanya cedera selepas kenderaan yang mereka naiki hilang kawalan ketika dalam perjalanan untuk memadam kebakaran di daerah Hasanbeyli, Osmaniye. - ©BERNAMA

## Ratusan bantah larangan berenang di Sungai Spree Berlin

**BERLIN**, 13 Ogos. - Ratusan orang berhimpun di pusat bandar Berlin membantah larangan berenang di Sungai Spree, dengan ramai daripada mereka nekad turun berenang di sungai itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Larangan tersebut telah berkuat kuasa selama 100 tahun.

Demonstrasi 'berenang bersama' pada Selasa berhampiran Pulau Muzium, tapak Warisan Dunia UNESCO, dianjurkan oleh persatuan bukan untung Flussbad (Berenang di Sungai) Berlin yang memperjuangkan kebenaran untuk berenang semula di Sungai Spree.

Beberapa penceramah menuntut larangan yang dikenakan oleh Majistret Berlin pada Mei 1925 itu dimansuhkan.

Mathias Schulz, seorang ahli Parti Demokratik Sosial (SPD) dari parlimen wilayah bandar itu, menyuarakan sokongan untuk berenang di Spree, yang telah diperjuangkan oleh persatuan itu selama lebih sedekad. "Ia akan menjadi simbol bahawa kita boleh menyatukan alam semula jadi dan bandar".

Kerstin Wolter, pengurus negeri parti The Left, mengkritik kekurangan kemudahan kolam renang awam di Berlin. "Larangan berenang ini mesti dimansuhkan segera".

Silke Gebel, ahli Parti Hijau dari daerah Mitte, turut berkata: "Senat yang dihormati, tolong mansuhkan larangan berenang ini".

Datuk Bandar daerah Mitte, Stefanie Remlinger, yang juga dari Parti Hijau, pula secara ringkas berkata: "Saya muahu lihat anda

semua berenang!"

Kebanyakan hadirin tidak menunggu lama. Tidak lama selepas itu, belasan perenang pertama sudah berada di dalam air.

Menurut persatuan itu, kira-kira 700 orang hadir ke Sungai Spree dalam cuaca panas musim panas bagi menyokong tuntutan tersebut.

Bagaimanapun, pihak pentadbiran yang bertanggungjawab terhadap pengangkutan dan alam sekitar tetap berpendirian skeptikal, dengan alasan bahawa terusan Spree dan Sungai Spree adalah laluan air persekitaran untuk trafik kapal.

Pentadbiran itu juga menimbulkan persoalan mengenai kualiti air, dan jurucakapnya berkata penilaian tersebut tidak berubah. - ©BERNAMA

**ABU DHABI**, 13 Ogos. - Abu Dhabi telah melaksanakan lebih 1,000 pemindahan organ sejak 2017 di bawah program 'Hayat', sekali gus mengukuhkan peranannya sebagai hab perubatan serantau dan global, lapor Agensi Emirates (WAM).

Program Kebangsaan untuk Pendermaan dan Pemindahan Organ dan Tisu Manusia yang dilancarkan pada 2017 merekodkan 1,090 pemindahan sehingga 2024, dengan rekod 290 prosedur tahun lalu sahaja.

Prosedur itu termasuk tujuh pemindahan jantung, 142 buah pinggang, 117 hati, 22 paru-paru dan dua pankreas.

"Mencapai kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan Abu Dhabi untuk memberikan rawatan bertaraf dunia.

"Melalui infrastruktur, bakat dan inovasi, emirat ini telah menjadi hab pemindahan organ di rantau ini dan di peringkat antarabangsa," kata Timbalan Setiausaha Jabatan Kesihatan - Abu Dhabi, Dr. Noura Khamis Al Ghaiti.

Beliau menggesa orang ramai menyertai program 'Hayat' sambil menegaskan bahawa seorang penderma boleh menyelamatkan nyawa ramai pesakit.

Pencapaian ini, yang diumumkan sempena Hari Derma Organ Sedunia, mencerminkan kemajuan Abu Dhabi dalam prosedur kompleks termasuk pemindahan pelbagai organ dan pemindahan dibantu robot, yang disokong oleh empat pusat utama - Cleveland Clinic Abu Dhabi, Sheikh Khalifa Medical City (SKMC), Burjeel Medical City (BMC) dan Sheikh Shakhbout Medical City (SSMC). - ©BERNAMA

## Kebakaran hutan hampiri kawasan perumahan di barat laut Turkiye

**ISTANBUL**, 14 Ogos. - Kebakaran hutan di daerah pusat wilayah Canakkale, barat laut Turkiye semakin marak pada Rabu akibat angin kencang, dengan api merebak ke kawasan perumahan berhampiran, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Stesen penyiar NTV melaporkan, sebanyak 11 pesawat pemadam kebakaran dan 250 anggota dikerahkan untuk mengawal kebakaran terbit.

Kebakaran hutan turut dilaporkan di beberapa wilayah lain termasuk Antalya, Canakkale, Edirne, Manisa, Hatay, Bolu dan Izmir sejak beberapa hari lalu.

Media tempatan juga melaporkan seorang pekerja perhutanan terkorban, manakala empat rakan sekertanya cedera selepas kenderaan yang mereka naiki hilang kawalan ketika dalam perjalanan untuk memadam kebakaran di daerah Hasanbeyli, Osmaniye. - ©BERNAMA

## Program 'Hayat' Abu Dhabi beri peluang kedua kepada lebih 1,000 pesakit

# HAMPIR 75,000 HEKTAR TANAH DI PORTUGAL MUSNAH AKIBAT KEBAKARAN HUTAN SEJAK AWAL TAHUN

**LISBON**, 15 Ogos. - Hampir 75,000 hektar tanah musnah akibat kebakaran hutan di Portugal sejak awal tahun ini, dengan lebih separuh daripada jumlah itu berlaku hanya dalam tempoh tiga minggu lalu, menurut data awal yang dikeluarkan oleh Institut Pemuliharaan Alam Semula Jadi dan Hutan (ICNF), lapor Xinhua.

Keluasan kawasan terbakar itu merupakan yang kedua terbesar di Portugal sejak 2017.

Setakat ini, ICNF merekodkan 5,998 kebakaran luar bandar yang memusnahkan 74,931 hektar tanah, merangkumi 50 peratus kawasan belukar, 40 peratus hutan dan 10 peratus kawasan pertanian.

Dalam tempoh 24 jam lalu, api telah memusnahkan lebih 11,000 hektar.

Jumlah kebakaran meningkat 72 peratus manakala keluasan kawasan terbakar melonjak sembilan kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu.

Data satelit daripada Sistem Maklumat Kebakaran Hutan

Eropah menunjukkan Portugal sebagai negara ketiga paling terjejas dalam Kesatuan Eropah tahun ini, selepas Sepanyol dan Romania.

Pada 2.50 petang Khamis, Pihak Berkuasa Nasional bagi Kecemasan dan Perlindungan Awam melaporkan 46 kebakaran hutan masih aktif di tanah besar Portugal.

Kerajaan mengekalkan status amaran kebangsaan sejak 2 Ogos berikutan risiko kebakaran hutan yang ekstrem.



Dengan lebih 120 majlis perbandaran di wilayah Utara, Tengah dan Algarve berada pada tahap bahaya maksimum, Institut Laut dan Atmosfera Portugal memaklumkan pihak berkuasa sedang mempertimbangkan untuk melanjutkan tempoh amaran itu.

Menurut Liga Anggota Bomba Portugal, setakat tahun ini seramai 213 anggota bomba cedera ketika bertugas, termasuk 112 orang dalam tempoh tiga minggu lalu. - ©BERNAMA

## Wabak kolera dilaporkan di 23 negara Afrika sejak awal 2025 - CDC

**MOSCOW**, 15 Ogos. - Wabak kolera direkodkan di 23 negara anggota Kesatuan Afrika sejak awal 2025, kata Ketua Pengarah Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC) Jean Kaseya pada Khamis, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Pada Mac lalu, Tabung Kanak-kanak Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) memaklumkan bahawa Afrika Timur dan Selatan sedang mengalami wabak kolera yang serius, dengan lebih 178,000 kes direkodkan sejak awal 2024.

Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), lebih 1,300 orang maut akibat wabak itu di Sudan pada separuh

kedua 2024. Africa CDC memaklumkan sebanyak 220,000 kes kolera direkodkan dalam tujuh bulan pertama tahun ini, berbanding 254,000 kes pada 2024.

Kolera ialah jangkitan yang sangat mudah berjangkit dan merebak melalui makanan dan air yang tercemar. - ©BERNAMA

## 15 maut, 17 hilang selepas banjir kilat landa Pakistan

**ISLAMABAD**, 15 Ogos. - Banjir kilat melanda wilayah utara barat laut Pakistan awal Jumaat, mengorbankan sekurang-kurangnya 15 nyawa manakala 17 lagi masih hilang, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Hujan lebat dan fenomena hujan badai menyebabkan banjir besar di kawasan Tehsil Salarzai, daerah Bajaur, sekali gus menghantarkan beberapa rumah, menurut kenyataan Rescue 1122 Khyber Pakhtunkhwa (KP).

"Mangsa yang cedera telah dibawa ke hospital tempatan manakala operasi mencari dan menyelamat untuk mangsa yang hilang masih diteruskan," kata

Pegawai Daerah Rescue 1122, Amjid Khan.

Dalam kejadian berasingan, sekurang-kurangnya lima orang maut dan empat cedera selepas sebuah rumah runtuh di kawasan Sori Paw, daerah Dir Lower.

Dalam insiden lain, dua orang maut dan seorang cedera apabila sebuah kereta dihantarkan arus banjir di daerah Mansehra, KP.

Angka korban terbaharu itu menjadikan jumlah kematian di seluruh negara meningkat kepada 328 orang sejak bermulanya musim tengkujuh pada 26 Jun, manakala lebih 740 lagi cedera, menurut Pihak Berkuasa

Pengurusan Bencana Kebangsaan.

Hujan lebat itu juga mencetuskan kejadian tanah runtuh di beberapa lokasi di KP dan wilayah Gilgit-Baltistan, ketika pihak berkuasa berusaha memindahkan penduduk yang terperangkap di kawasan terjejas.

Musim tengkujuh lazimnya berlaku dari Jun hingga September sering menyebabkan kemusnahan di seluruh Asia Selatan, termasuk Pakistan, namun perubahan iklim sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah meningkatkan tahap ketidaktentuan dan intensiti.

- ©BERNAMA

## Air Canada batal penerbangan menjelang kemungkinan mogok anak kapal

**ISTANBUL**, 15 Ogos. - Air Canada mula membatakan penerbangan pada Khamis menjelang kemungkinan mogok anak kapal kabin, demi memastikan penutupan operasi yang teratur, umum syarikat penerbangan itu.

Menurut Anadolu Ajansi (AA), pembatalan pertama akan bermula pada Khamis, dengan jumlah penerbangan dibatalkan meningkat mulai Jumaat, sehingga membawa kepada penggantungan penuh perkhidmatan Air Canada dan Air Canada Rouge menjelang hujung minggu.

Kesatuan yang mewakili kira-kira 10,000 anak kapal kabin mengeluarkan notis mogok 72 jam pada Rabu, dengan tindakan itu dijadual bermula Sabtu kecuali jika

persetujuan dicapai atau kerajaan campur tangan.

Sebagai tindak balas, syarikat penerbangan itu mengeluarkan notis larangan bekerja (*lockout*).

Air Canada berkata penumpang yang terjejas akibat pembatalan akan dimaklumkan dan ditawarkan bayaran balik penuh.

Syarikat penerbangan itu juga bekerjasama dengan syarikat penerbangan Kanada dan antarabangsa lain bagi menyediakan pilihan perjalanan alternatif jika boleh.

"Kami kesal atas kesan gangguan ini terhadap pelanggan, pihak berkepentingan dan komuniti yang mendapatkan khidmat kami," kata Ketua Pegawai Eksekutif Air Canada, Michael Rousseau.

Rundingan antara syarikat penerbangan dan kesatuan menemui jalan buntu pada Selasa, dengan perbezaan ketara masih wujud dalam terma kontrak.

Kesatuan berkenaan memetik 'gaji rendah' untuk anak kapal kabin dan ketidadaan bayaran bagi masa bekerja ketika pesawat berada di darat sebagai isu utama.

Air Canada berkata pihaknya telah menawarkan peningkatan 38 peratus dalam jumlah pampasan sepanjang tempoh empat tahun, bersama manfaat tambahan.

"Walaupun dengan usaha terbaik kami, Air Canada enggan menangani isu teras kami," kata kesatuan itu di media sosial. - ©BERNAMA

## Lebih 90 peratus farmasi di Perancis ditutup pada 16 Ogos akibat mogok - Kesatuan

**MOSCOW**, 15 Ogos. - Lebih 90 peratus farmasi di Perancis akan ditutup pada Sabtu susulan mogok oleh ahli farmasi yang membantah keputusan kerajaan mengurangkan diskon dagangan untuk farmasi, menurut Kesatuan Ahli Farmasi (USPO), lapor Sputnik/RIA Novosti.

Kerajaan Perancis sebelum ini meluluskan resolusi menurunkan had maksimum diskon dagangan bagi pembelian ubat oleh farmasi daripada 40 peratus kepada 30 peratus mulai September.

Pada 2027, angka itu akan dikurangkan lagi kepada 20 peratus.

"Berdasarkan keputusan unilateral, tidak adil dan berbahaya ini terhadap masa depan rangkaian farmasi, sebanyak 92 peratus farmasi Perancis akan menutup operasi pada Sabtu, 16 Ogos, atas seruan USPO dan dengan sokongan sebulat suara persatuan farmasi," menurut kenyataan pertubuhan itu pada Khamis.

Di wilayah Paris, sekitar 70 peratus farmasi akan ditutup, lapor stesen radio RMC.

USPO menuntut penggantungan segera peraturan baharu itu kerana ia boleh menyebabkan banyak farmasi gulung tikar akibat masalah kewangan dan memburukkan lagi kekurangan bekalan ubat.

Ahli farmasi turut mengancam akan melancarkan mogok tanpa had dan tindakan 'belum pernah berlaku' mulai September jika pihak berkuasa tidak mengubah keputusan berkenaan. - ©BERNAMA

## Florida umum pusat tahanan imigresen kedua

**HOUSTON** (Amerika Syarikat), 15 Ogos. - Gabenor Florida, Ron DeSantis pada Khamis mengumumkan bahawa sebuah lagi pusat tahanan imigresen akan dibina di negeri itu, lapor Anadolu Ajansi memetik pelbagai laporan media.

DeSantis berkata pentadbirannya akan membuka apa yang digelar 'Depoh Pengusiran' bagi menempatkan pendatang tanpa izin yang ditahan pihak berkuasa.

"Kami memberi kuasa dan akan segera membuka kemudahan baharu ini untuk penahanan, pemprosesan dan pengusiran pendatang haram di utara Florida," katanya pada sidang akhbar.

Pusat tahanan imigresen baharu itu akan ditempatkan di Institusi Pemuliharaan Baker di Sanderson, kira-kira 265 kilometer di utara Orlando, dan mampu menempatkan sehingga 1,300 tahanan.

DeSantis berkata tahanan tidak akan ditempatkan di situ secara berterusan.

Pengumuman mengenai 'Depoh Pengusiran' itu dibuat kira-kira sebulan selepas Florida membuka pusat tahanan imigresen di kawasan Everglades, 40 kilometer di barat Miami, yang dikenali sebagai 'Alligator Alcatraz'.

"Kami telah mengawal sempadan, menguatkuasakan undang-undang imigresen dan mengusir pendatang haram yang berada dalam masyarakat kami, menghantar mereka pulang ke negara asal," katanya.

Sementara itu, Florida akan terus menyaring migran tanpa dokumen di 'Alligator Alcatraz', yang mampu menempatkan sekitar 5,000 tahanan, sehingga pusat tahanan baharu itu dibuka. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## MELAHIRKAN PEMAIN BOLA JARING BERPOTENSI



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BERAKAS**, Jumaat, 15 Ogos. - Sebagai kesinambungan kepada siri Pesta Netball Kitani 2025, Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam (BNA) hari ini menganjurkan Bumblebees Fun Day Netball selama sehari,

bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), di sini.

Pertandingan kali ini mempertandingkan dua kategori, iaitu Bawah 21 Tahun (U21) dan Bawah 15 Tahun (U15)

dengan penglibatan 14 buah pasukan keseluruhannya.

Bagi Kategori U21, lapan pasukan akan berentap, iaitu Nova Strike, SASSAULT, Velvet Velocity, Velvet Vortex, Mad Divas, Violet Valkyries, Burning Shots dan Team Manis.

Manakala, Kategori U15 pula menampilkan enam pasukan, iaitu

AKSI para pemain pada pertandingan Bumblebees Fun Day Netball.

TWCS Glorious, TWCS Victorious, TWCS Fabulous, Wildflowers KB, Buttercups KB dan Hidden Hustle.

Turut hadir memeriahkan acara berkenaan ialah Ahli Jawatankuasa BNA, ibu bapa serta para penyokong pasukan.

Acara yang menggunakan format *round robin* berkenaan diadakan bagi menggalakkan penyertaan belia dan remaja dalam sukan bola jaring, selain menjadi platform pendedahan dan pengasahan bakat muda secara santai tetapi kompetitif.

Penganjuran Kategori U15 khususnya menjadi langkah penting bagi mendedahkan kanak-kanak kepada dunia bola jaring sejak usia muda, sekali gus membentuk mereka sebagai pelapis para pemain kebangsaan pada masa hadapan, sambil menggilap bakat sukan yang ada pada diri masing-masing.

BNA menaruh harapan agar pertandingan seumpamanya akan terus melahirkan para pemain bola jaring berpotensi yang mampu menggalas cabaran di peringkat kebangsaan, seterusnya membawa nama Negara Brunei Darussalam di pentas antarabangsa.

Sebagai tambahan, acara berkenaan akan disusuli dengan Mums Netball Fun Day yang akan diadakan pada 24 Ogos 2025 bermula jam 8.30 pagi di Dewan Serbaguna, Kompleks SNHB.

Pada masa yang sama, Kursus Pengadil Bola Jaring akan diadakan pada 16 hingga 19 Ogos 2025, dan akan difasilitasi oleh Vivian De Silva dari Republik Singapura.

Menurut BNA, kesinambungan program seperti berkenaan adalah penting bagi memupuk minat mendalam terhadap bola jaring dalam kalangan generasi muda, di samping memperkuuh jaringan silaturahim dan semangat kesukanan antara pasukan daripada pelbagai daerah.

## MOD bangkit hampakan MOFE

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Ihsan Kejohanan Piala Keputeraan

**BERAKAS**, Khamis, 14 Ogos. - Perlawanan di antara pasukan Kementerian Pembangunan (MOD) dan pasukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) membuka tirai perlawanan bagi Kejohanan Piala Keputeraan dalam

Kumpulan 'C' di mana pasukan MOD berjaya menewaskan pasukan MOFE dengan jaringan 4 - 2 di Padang dan Belapan, Berakas, di sini.

Pasukan MOD lebih awal memperoleh kelebihan jaringan apabila gerakan pemain



ANTARA aksi para pemain pada perlawanan di antara pasukan Kementerian Pembangunan (MOD) dan pasukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE)

yang pantas, Abang Muhammad Fakhri Abang Haji Jaludin berjaya merampas bola dari aksi kelam kebut di depan pintu gol dan mudah menguis masuk ke gawang pasukan lawan pada minit ke-6.

Namun, pasukan MOFE bijak menyamakan kedudukan menerusi Muhammad Habil Haji Adanan melalui sepakan penalti pada minit ke-8 dan penyerang lincah itu sekali lagi membuat barisan pemain pasukan MOD tersentak apabila gawang mereka dibocori buat kali kedua pada minit ke-30.

Di sebalik ketinggalan jaringan, pasukan MOD berjaya menemui rentak dan bangkit

pada babak kedua dengan permainan yang lebih tersusun dan berkesan untuk merasai kelebihan aksi longgar pertahanan pasukan MOFE.

Ia bermula dengan jaringan menarik Safwan Amauddin Sanli pada minit ke-46 sebelum membuktikan kehebatan menerusi jaringannya pada minit ke-53.

Abang Muhammad Fakhri sekali lagi membuat penyokong pasukan MOD berpesta menerusi jaringan pada minit ke-55 untuk melengkapkan kemenangan bergaya pasukan tersebut dengan 4 - 2 sekali gus meletakkan mereka di puncak kedudukan bagi Kumpulan 'C'.

## Tahukah Awda

**M**USABAQAH Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara dianjurkan oleh Negara Brunei Darussalam pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN Kali Ketiga di Manila pada 14-15 Disember 1987 yang menitahkan hasrat baginda agar Negara Brunei Darussalam memainkan peranan aktif dalam pelancaran rancangan Pertukaran Belia ASEAN. Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara dianjurkan setiap dua tahun sekali bagi belia-belia berumur di antara 18 hingga 30 tahun. Musabaqah kali pertama diadakan pada tahun 2000.

SUMBER : Mtqbat.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

UTAMAKAN KEJUJURAN, JAUHI PERKARA HARAM